

PENAKUAN TENGGU ALI

MENGAPA SAYA DITURUNKAN DARI
TAKHTA TERENGGANI ?



PENGAKUAN TENGGU ALI

MENGAPA SAYA DITURUNKAN DARI
TAKHTA TERENGGANU?

WAN RAMLI WAN MOHAMAD

P.J.K.



KUALA LUMPUR
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1993

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
19-25, Jalan Kuchai Lama,
58200 Kuala Lumpur*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1993

ISBN 967 65 2724 6

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk
atau dengan sebarang cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

01

323, G... ..

21/1/12

*Dicetak di Malaysia oleh
Gams Print Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

M 693846

01 157 1306

**Perpustakaan Negara
Malaysia**

PENDAHULUAN

PERISTIWA yang berlaku pada tahun 1945 mencatatkan sejarah hitam dalam sejarah kesultanan Terengganu yang berkesudahan dengan pemecatan Tengku Ali sebagai sultan. Baginda terpaksa diturunkan daripada takhta semata-mata kerana mempertahankan prinsip dan tidak sependapat dengan pemerintah ketika itu. Penurunan baginda juga dikaitkan dengan politik istana dan kesalahan perilaku sebagai sultan.

Walau apa pun yang berlaku, peristiwa penurunan Tengku Ali 40 tahun lalu wajar dilihat daripada perspektif yang tersendiri. Baginda merupakan sultan pertama yang diturunkan daripada takhta dan kini hidup merempat. Itulah nasib yang menimpa Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, mantan Sultan Terengganu. Tengku Ali, 78, diisytiharkan sebagai Sultan Terengganu yang ke-14 pada tahun 1942 dan memerintah sehingga tahun 1945. Namun, kini baginda hidup sebagai rakyat biasa: kehidupan yang amat mengharukan dan bukan kehidupan yang patut dilalui oleh seorang mantan sultan.

Apa yang menyedihkan ialah kehadiran Tengku Ali seolah-olah tidak disedari atau dihiraukan oleh banyak pihak. Lebih memilukan lagi, Tengku Ali terpaksa berpindah-randah dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain untuk tinggal bersama-sama anaknya kerana baginda tidak mempunyai rumah. Sebagai mantan sultan, Tengku Ali berhak menerima elaun dan kemudahan lain kerana hak itu termaktub dalam Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu. Itulah sahaja hajat baginda.

Dalam masa yang sama ramai yang bertanya, kenapa baru sekarang Tengku Ali membangkitkan isu kedudukan takhtanya. Tengku Ali mempunyai jawapan yang tersendiri berhubung perkara itu. Mengikut Tengku Ali, dua tiga tahun selepas beliau diturunkan takhta memang ada usaha untuk mengembalikan haknya dan begitu juga di sekitar tahun-tahun 50-an. Walau bagaimanapun, pada masa itu, kata Tengku Ali, British begitu berkuasa. Kerabat diraja dan Ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri pun tidak menyebelahi baginda. Mereka takut dan Tengku Ali juga menyatakan baginda takut walaupun mahkota dan takhta itu sememangnya hak baginda. Sultan Terengganu ketika itu, kata baginda ialah Sultan Ismail iaitu ayahanda saudaranya. Bondanya, Tengku Ampuan Maryam memintanya supaya banyak bersabar dan menganggap kejatuhannya sebagai suratan Ilahi.

Tujuan utama buku ini disusun bukanlah untuk mengungkit semula kisah-kisah masa lalu, tetapi sekadar menjejak kembali pelbagai peristiwa yang tercetus di samping meletakkan sedikit fakta berhubung dengan sejarah kesultanan Terengganu pada tempat yang sewajarnya. Dalam buku ini akan diterangkan sejarah kesultanan Terengganu, kedudukan Tengku Ali dalam barisan para sultan yang naik takhta, peranan Tengku Ali pada zaman pemerintahan Jepun dan peristiwa baginda turun dari takhta.

Penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang membenarkannya membukukan kisah hidup baginda; kepada putera sulung baginda, Tengku Abdul Halim dan menantu baginda, Mokhtar Rahim, kerana memberi kerjasama dari awal hingga akhir. Tidak dilupakan juga kepada Arkib Negara cawangan Kuala Terengganu kerana membenarkan penulis mendapatkan

PENDAHULUAN

salinan dokumen-dokumen dan surat-surat penting yang tersimpan dalam koleksinya dan kepada Penerbit Fajar Bakti kerana menguruskan penerbitan buku ini.

Jalan Air Jernih
Kuala Terengganu
Terengganu
Mei 1993

WAN RAMLI WAN MOHAMAD,
P.J.K.

ISI

| | |
|--------------------|---|
| <i>Pendahuluan</i> | v |
|--------------------|---|

BAHAGIAN I

| | |
|--|----|
| 1 Sejarah Kesultanan Terengganu | 3 |
| 2 Siapa Tengku Ali? | 12 |
| 3 Penaklukan Jepun | 15 |
| 4 Perlantukan Tengku Ali Sebagai Sultan Terengganu | 18 |

BAHAGIAN II

| | |
|--------------------------------|----|
| 5 Zaman Pemerintahan Jepun | 25 |
| 6 Diturunkan Takhta | 47 |
| 7 Bolehkah Sejarah Dipadamkan? | 61 |
| 8 Suara Hati Bekas Sultan | 66 |

BAHAGIAN III

| | |
|-----------------|----|
| <i>Lampiran</i> | 83 |
|-----------------|----|

BAHAGIAN I

Sejarah kesultanan Terengganu dan kedudukan Tengku Ali dalam barisan para sultan yang naik takhta di negeri Terengganu dan perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu.



SEJARAH KESULTANAN TERENGGANU

SEJARAH kesultanan Terengganu bermula dengan penabalan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu yang pertama pada tahun 1726 di Tanjung Baru, Hulu Terengganu. Baginda memakai gelaran Sultan Zainal Abidin I. Apabila baginda mangkat pada tahun 1733, sultan-sultan daripada keturunan baginda berpindah pula ke Kuala Terengganu, yang kini menjadi ibu negeri.

Tun Zainal Abidin (Sultan Zainal Abidin I) adalah putera Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Seri Maharaja, iaitu Bendahara Johor ke-19 yang dikatakan berasal daripada keturunan anak cucu Tun Hussin Temenggung (anak Tun Mutahir, Bendahara Seri Maharaja Melaka kelapan). Bendahara Melaka ini dibunuh oleh Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara dengan titah perintah Sultan Mahmud Shah, Melaka akibat fitnah Raja Mendeliar dan Kitul.

Sultan Zainal Abidin I diputerakan di Johor pada tahun 1677 M dan cerita penabalan baginda sebagai Sultan Terengganu yang pertama ada dua yang saling berbeza.

Menurut *Tuhfat al-Nafis*, kisah Sultan Zainal Abidin I bermula selepas peperangan di Riau di antara Upu Daeng Merewah, Yang Dipertuan Muda Riau pertama (yang bergelar Kelana Jaya Putera) dengan Raja Kecik (Yamtuan Siak) pada tahun 1726. Raja Kecik mendakwa dia berhak menaiki takhta Kerajaan Johor di samping mendakwa dia adalah putera kepada Sultan Mahmud Shah II, Marhum Mangkat Dijulang.

Pada masa itu, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Johor (1718-60) serta Yang Dipertuan Muda Raja Tua (Daeng Menambun) memerintahkan datang ke Terengganu untuk melantik Tun Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu. Setelah perlantikan tersebut, Raja Tua pun berangkat pulang ke Riau.

Cerita kedua pula mengatakan, semasa Sultan Abdul Jalil IV, Johor berada di Kuala Terengganu selama setahun (1719-20), baginda meninggalkan saudaranya, Tun Zainal Abidin (semasa itu bergelar Paduka Raja), di Terengganu bersama-sama puteranya, Tun Hussein, untuk menjaga negeri. Bagaimanapun, Tun Zainal Abidin telah dibawa ke Patani oleh abang angkatnya, Wan Abdul Rahman (anak Paduka Raja) kerana negeri Terengganu berada dalam keadaan tidak tenteram lagi setelah Paduka Raja difitrah bermukah dengan seorang gundik Sultan Abdul Jalil IV. Paduka Raja melarikan diri ke Padang Permaisuri, kira-kira 7 km dari Penarik. Bagaimanapun, Datuk Paduka Raja kemudiannya telah dibunuh di Teluk Datuk.

Berita Tun Zainal Abidin membawa diri ke Patani kemudiannya sampai ke pengetahuan Nang Chayang, Raja Patani. Lalu Nang Chayang pun mengambil Tun Zainal Abidin menjadi anak angkatnya. Baginda dipelihara mengikut istiadat anak-anak raja.

Apabila Sultan Abdul Jalil IV mendengar khabar saudaranya berada di Patani dan dipelihara pula oleh Nang Chayang, baginda pun menghantar utusan yang meminta agar saudaranya itu dikembalikan. Permintaan baginda telah tidak diperkenankan kerana Nang Chayang mahu Sultan Abdul Jalil IV sendiri datang mengambil Tun Zainal Abidin. Sultan Abdul Jalil IV akur, lalu Tun Zainal Abidin kemudiannya dibawa pulang ke Johor.

Tidak lama kemudian, Nang Chayang menghantar utusannya untuk mempersilakan Tun Zainal Abidin kem-

bali ke Patani. Tun Zainal Abidin bermohon daripada kakandanya, Sultan Abdul Jalil IV, untuk kembali ke Patani. Permohonan itu diperkenankan. Setibanya Tun Zainal Abidin di Patani, Nang Chayang bertanya pada baginda akan kurnia Sultan Abdul Jalil IV kepada Tun Zainal. Baginda lantas menjawab, 'Negeri Terengganu'.

Selepas beberapa lama, Nang Chayang memerintahkan orang-orangnya supaya bersiap sedia menabalkan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu. (Ada di antara alatan kerajaan yang dihadiahkan oleh Nang Chayang masih menjadi alat kebesaran Sultan Terengganu hingga kini.)

Nang Chayang, selepas itu, mengutuskan sepucuk surat kepada Sultan Kelantan meminta baginda bekerjasama membuat sempadan negeri antara Kelantan dan Terengganu. Sempadan itu bermula dari laut Pulau Susu Dara, Keluang, Limau Nipis terus ke Kuala Rasal menuju Bukit Yong, mengikut bengkok-bengkok Sungai Semarak.

Setelah urusan menanda sempadan negeri selesai, Tun Zainal Abidin pun berangkatlah ke Terengganu bersamasama puteranya, Tun Raja Senik, serta pengiringnya. Tun Zainal Abidin kemudiannya ditabalkan menjadi Sultan Terengganu di Tanjung Baharu, Batang Mahang yang terletak di kanan Sungai Terengganu, lapan kilometer dari Kuala Berang. Baginda kemudiannya bernikah dengan Engku Tanang Wangsa. Setelah lama bersemayam di Kota Batang Mahang, baginda berpindah pula ke Langgar.

Di Langgar, baginda menikahi pula cucu Dato' Wan Ismail dan beroleh seorang putera bernama Tengku Mansur (Ku Tang Mansur) dan seorang puteri bernama Maha Diwi. Selepas itu baginda menikahi pula anak Dato' Pulau Manis. Akhirnya baginda berpindah ke Chabang Tiga dan bersemayam di sebuah tempat yang dikenal dengan nama 'Kota Lama'.

Sultan Zainal Abidin, menurut *Tuhfat al-Nafis*, mangkat

pada subuh Ahad, 25 Februari 1733, bersamaan dengan 21 Ramadan 1146 Hijrah. Tetapi, di dalam buku peringatan lama, tarikh kemangkatan baginda ialah pada tahun 1725 (1138 H). Baginda dimakamkan di Bukit Keledang dan dikenal dengan Marhum Bukit Nangka.

Setelah Sultan Zainal Abidin I mangkat, tidak seorang pun daripada putera-putera tuanya mahu menjadi Sultan Terengganu. Sebaliknya mereka meminta Tengku Mansur (Tun Dalam) menggantikan almarhum ayahanda mereka. Oleh itu, Tengku Mansur pun ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang kedua dengan gelaran Sultan Mansur Shah I. (Semenjak itu, baginda dikenal dengan gelaran Tun Kecil, Tun Dalam dan Yang Dipertuan Kecil.) Baginda dilahirkan pada tahun 1722 dan sewaktu menaiki takhta pada tahun 1733, baginda baru sahaja berusia sebelas tahun. Oleh kerana baginda masih kecil, maka urusan pemerintahan diserahkan kepada Bendahara Tun Hussein.

Sultan Mansur Shah I mangkat pada 17 Julai 1794 (dikenal dengan gelaran Marhum Janggut) dan dimakamkan di Masjid Abidin, Terengganu. Almarhum digantikan oleh putranya, Tengku Zainal Abidin, dengan memakai gelaran Sultan Zainal Abidin II (Sultan Terengganu yang ketiga). Baginda dikenal juga dengan gelaran Yam Tuan Mata Merah.

Apabila Sultan Zainal Abidin II mangkat pada tahun 1808 (dikenal dengan gelaran Marhum Masjid/Marhum Mata Merah), putranya, Tengku Ahmad, dilantik menjadi Sultan Terengganu yang keempat dengan gelaran Sultan Ahmad. Tarikh perlantikan baginda tidak diketahui dengan tepat, tetapi sesetengah ahli sejarah mengatakan pada tahun 1810. Baginda dikatakan mempunyai tiga orang isteri. Isteri yang pertama melahirkan Tengku Daud (Sultan Daud), isteri yang kedua melahirkan Tengku Kalsum manakala isteri yang ketiga melahirkan Tengku Umar,

Tengku Mahmud dan Tengku Chik. Baginda mangkat pada 4 Julai 1830 (13 Muharam 1246) dan dikenal dengan gelaran Marhum Parit. Almarhum dimakamkan di Perkuburan Sycikh Ibrahim, Kuala Terengganu.

Orang-orang Besar Terengganu kemudiannya mengangkat Tengku Abdul Rahman, saudara seibu sebapa Almarhum Sultan Ahmad, sebagai Sultan Terengganu yang kelima. Namun demikian, setelah lima bulan 26 hari memerintah, pada 31 Disember 1830 (17 Rejab 1246), baginda pun mangkat (dikenal sebagai Marhum Surau). Baginda juga dimakamkan di Perkuburan Sycikh Ibrahim. Sewaktu hayatnya, baginda mempunyai seorang putera, Yam Tuan Tengku Abdullah, dan dua orang puteri, Tengku Lijah dan Tengku Salmah.

Pengganti Sultan Abdul Rahman ialah Sultan Daud, anakanda Almarhum Sultan Ahmad, dengan Tengku Mansur berada di tangga kedua dan Tengku Umar sebagai Raja Muda. Baginda hanya sempat memerintah selama lebih kurang setahun. Baginda mangkat dan dimakamkan di Perkuburan Sycikh Ibrahim dan digelar Marhum Kampung Daik.

Marhum Kampung Daik digantikan pula oleh ayahanda saudaranya, Tengku Mansur (anakanda Sultan Zainal Abidin II) sebagai Sultan Terengganu yang ketujuh, dengan memakai gelaran Sultan Mansur Shah II. Baginda memerintah sehingga 9 Mac 1837 dan dimakamkan juga di Perkuburan Sycikh Ibrahim dan digelar Marhum Mansur. Almarhum meninggalkan beberapa orang putera dan puteri, iaitu Tengku Muhammad, Tengku Ngah, Tengku Musa, Tengku Maimunah, dan Tengku Mariam.

Setelah Sultan Mansur Shah II mangkat, Tengku Muhammad (putera sulung baginda) dilantik menjadi Sultan Terengganu yang kelapan dengan gelaran Sultan Muhammad I. Baginda mangkat pada tahun 1839. Dikenal dengan gelaran Marhum Telur.

Selepas itu Tengku Umar pula ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang kesembilan dengan memakai gelaran Sultan Umar. Baginda memerintah antara tahun 1839-75 dan digelar orang Marhum Baginda.

Oleh kerana Almarhum Sultan Umar tidak berputera, anakanda saudara baginda, Tengku Ahmad (putera Almarhum Muda Tengku Mahmud) ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang kesepuluh dengan gelaran Sultan Ahmad II. Baginda memerintah sehingga mangkat pada tahun 1881 dan dimakamkan di Masjid Abidin, Terengganu (digelar Marhum Baharu).

Sultan Ahmad II digantikan pula oleh puteranya, Tengku Zainal Abidin (Sultan Zainal Abidin III) sebagai Sultan Terengganu kesebelas. Pada waktu itu baginda baru sahaja berusia 16 tahun, tujuh bulan, dan 27 hari. Sultan Zainal Abidin III mempunyai beberapa orang isteri seperti berikut:

1. Cik Teh, Lingga (isteri tua). Dikahwini pada tahun 1878, dan beranakkan Tengku Jebah.
2. Cik Kalsum, beranakkan Tengku Hajah Ngah Aishah (puteri sulung baginda), Hajah Tengku Nik Maimunah, dan Tengku Muhammad (Tengku Muda, Sultan Muhammad, 1919-20, Sultan Terengganu ke-12).
3. Cik Asiah, beranakkan Tengku Sulaiman (Tengku Muda, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, 1919-42, Sultan Terengganu ke-13), Tengku Dalam Halimah (Tengku Nila Puri) dan Tengku Wok Aminah (Tengku Kesuma Puri).
4. Cik Maimunah (wanita Siam), beranakkan Tengku Ismail (Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu ke-14, 1945-79).
5. Cik Zainab, beranakkan Tengku Ahmad.
6. Tengku Mandak Aishah (Tengku Seri Kemala) binti

6. Tengku Mustafa, beranakkan Tengku Mahmud (Tengku Besar, Tengku Seri Utama Raja).
7. Cik Aminah binti Abdullah (meninggal dunia pada Februari 1891), beranakkan Tengku Teh, dan Tengku Abdullah.
8. Tengku Puteri binti Tengku Muhammad Said, Lingga, beranakkan Tengku Afsah.
9. Tengku Long binti Sultan Ahmad, Pahang (Cik Wan Ahmad).

Setelah Sultan Zainal Abidin III mangkat pada 26 November 1919, putera baginda, Tengku Muhammad, dilantik menjadi Sultan Terengganu yang ke-12 dengan gelaran Sultan Muhammad II. Baginda Sultan Muhammad II diputerakan pada 1 Mei 1889. Sultan ini penting dalam sejarah kesultanan Terengganu dan Malaysia kerana baginda merupakan satu-satunya sultan yang turun takhta atas kerekaan sendiri. Menurut sejarah, baginda digelar Yang Dipertuan Muda sewaktu berusia enam tahun. Sebelum itu baginda bergelar Tengku Kechik Muda.

Sultan Muhammad II turun takhta berikutan krisis yang timbul antara baginda dengan Gabenor Sir Arthur Young. Tengku Sulaiman, adindanya, memujuk supaya baginda tidak turun takhta, namun baginda tetap dengan keputusannya. Lantas, setelah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri, takhta kerajaan negeri Terengganu diserahkan kepada Tengku Sulaiman (Tengku Muda Sulaiman), adindanya. Kerajaan Terengganu kemudiannya mengisytiharkan hari perletakan takhta oleh Sultan Muhammad II pada pukul 12.00 tengah hari, hari Khamis, 11 Mei 1920 (2 Ramadan 1338) dengan alasan tidak boleh memerintah negeri. Kemudian, pada 25 November 1920, Tengku Sulaiman ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III ditabalkan menjadi Sultan Terengganu yang ke-13.

Sultan Sulaiman diputerakan pada malam Isnin,


1 Disember 1895, oleh bondanya, Cik Asiah binti Ismail di dalam sebuah bangunan di kawasan Istana Maziah, Kuala Terengganu. Baginda bernikah dengan puteri Sultan Ahmad, Pahang yang bernama Tengku Maryam pada 21 Julai 1913 dalam satu adat istiadat yang bersejarah.

Selepas Sultan Sulaiman mangkat, putera sulung baginda, Tengku Ali, diangkat menjadi Sultan Terengganu yang ke-14 dalam bulan September 1942, tetapi pada tahun 1945, beberapa orang raja dan Orang Besar yang berkuasa di negeri Terengganu telah bersidang dan mengambil ketetapan memecat Sultan Ali daripada takhta kerajaan negeri. Mereka kemudiannya memilih adinda Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, iaitu Tengku Ismail (bergelar Tengku Paduka Raja) sebagai Sultan Terengganu yang ke-15 dengan memakai gelaran Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III. Istiadat pertabalan telah diadakan pada 6 Jun 1949. Pada tarikh yang sama, permaisuri baginda ditabalkan sebagai Tengku Ampuan Besar Terengganu.

Baginda Sultan Ismail kemudiannya dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong keempat bagi tempoh lima tahun (21 September 1965 hingga 20 September 1970). Baginda mangkat pada 20 September 1979 setelah berada di atas takhta selama lebih kurang 35 tahun.

Baginda kemudiannya digantikan oleh Tengku Mahmud, putera baginda dengan gelaran Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah sebagai Sultan Terengganu yang ke-16. Baginda Sultan Mahmud ditabalkan menjadi Sultan Terengganu secara rasmi pada 21 Mac 1981.

SALASILAH KESULTANAN TERENGGANU



Sumber: Haji Buyung Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 207.

Rajah 1.1 Salasilah Kesultanan Terengganu

SIAPA TENGGU ALI?

RAMAI yang terkejut dengan tuntutan seorang insan bernama Tengku Ali ke atas kesultanan Terengganu. Ramai yang meragui kesahihan dakwaan beliau dan tidak kurang pula yang mempercayainya. Namun, memang ramai yang tidak tahu tentang insan Tengku Ali ini. Siapakah Tengku Ali yang berani menggegarkan kesultanan Terengganu? Benarkah dia seorang 'Tengku'? Apakah tujuan di sebalik tuntutan beliau itu? Semua ini menjadi persoalan yang perlu dijawab.

Tengku Ali dilahirkan pada tahun 1914 di Istana Tepi Bukit, berhampiran Bukit Puteri. Beliau merupakan putera sulung Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan Terengganu ke-13. Bondanya ialah Tengku Ampuan Maryam (puteri Almarhum Sultan Ahmad, Pahang). Selain Tengku Ali, Almarhum Sultan Sulaiman mempunyai tiga orang putera dan empat orang puteri lagi. Mereka ialah Tengku Azizah, Tengku Asma' (Sultanah Asma', Kedah), Tengku Abdul Rashid, Tengku Atikah, Tengku Mariam, Tengku Abdul Aziz, dan Tengku Abdul Rahman.

Tengku Ali mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu (salah sebuah sekolah yang terawal di Terengganu) sewaktu berusia lapan tahun. Sewaktu berusia 15 tahun, beliau dihantar pula menuntut di Andrew School, England (sebuah sekolah biasa), dan selepas itu ke Universiti Oxford mengambil jurusan Ilmu Alam selama lima tahun. Bagaimanapun, beliau tidak sempat memperoleh *degree*. Seperkara yang menarik tentang

Tengku Ali ialah, sewaktu sampai di England, beliau tidak tahu berbahasa Inggeris walaupun sepatah. Tetapi, atas daya usaha sendiri, akhirnya beliau dapat juga menguasai bahasa tersebut sedikit demi sedikit.

Di England, beliau tinggal di Three Two, Burnley Road, Oxford dan diasuh oleh R. H. Wilhorn. Untuk ke universiti, beliau terpaksa menaiki basikal sejauh sepuluh kilometer setiap hari.

Pada tahun 1934, beliau kembali semula ke tanah air dan dihantar oleh ayahandanya ke Kemaman yang pada masa itu masih merupakan sebuah pekan yang dilitupi hutan belantara. Di sana, beliau disuruh belajar dan berlatih bekerja dengan Mubin Sheppard.

Selepas itu beliau dihantar pula ke Kuala Lumpur dan kemudiannya ke Kuala Selangor. Di Kuala Selangor, beliau bekerja tanpa gaji bersama-sama Raja Uda dan Residen British Selangor pada waktu itu.

Pada tahun 1937, beliau kembali semula ke Terengganu. Di negerinya sendiri, Tengku Ali berkesempatan melakukan berbagai-bagai kerja seperti menjadi penguasa polis dan kastam. Pada tahun 1942, beliau menjadi pegawai pelatih di pejabat Mahkamah Besar Kuala Terengganu. Semasa di mahkamah inilah beliau berpejuang mendalami Undang-undang Keterangan, Undang-undang Peraturan Jenayah, Undang-undang Jenayah, dan Undang-undang Peraturan Mal.

Beliau kemudiannya mengahwini Tengku Ainol Jamal, puteri Sultan Abu Bakar, Pahang. Dengan perkahwinan ini bermakna beliau telah mengeratkan lagi hubungan silaturahim Terengganu-Pahang kerana sebelum ini, nendanya, Almarhum Sultan Zainal Abidin III telah mengahwini Tengku Long binti Sultan Ahmad, Pahang, manakala ayahandanya, Almarhum Sultan Sulaiman, telah menikahi Tengku Maryam binti Sultan Ahmad, Pahang (bonda Tengku Ali).

Perkahwinannya dengan Tengku Ainol Jamal dianugerahi Allah tiga orang cahaya mata, iaitu Tengku Besar, Tengku Afzam dan Tengku Dato' Iskandar. Perkahwinan tersebut sebenarnya merupakan perkahwinan ketiga beliau; sebelum itu beliau telah pun beristerikan Che' Fatimah dan dianugerahkan seorang putera, Tengku Abdul Halim. Perkahwinan kedua beliau ialah dengan Tuan Nik Sharifah Aminah dan perkahwinan ini telah dianugerahkan Allah tujuh orang putera puteri, iaitu Tengku Puteri, Tengku Fatimah, Tengku Badli Shah, Tengku Kechik, Tengku Jaafar, Tengku Mohamad Muhiddin dan Tengku Khadijah.

Semasa Tengku Ali dilantik menjadi Sultan Terengganu, Tengku Ainol Jamal telah dilantik sebagai Tengku Ampuan. Perlantikan tersebut telah digazetkan di dalam Warta Kerajaan Terengganu Bil. 18 yang bertarikh 16.9.2603 (tahun Jepun). Walaupun demikian, jodohnya dengan Tengku Ainol Jamal (kini menetap di Pahang) tidak panjang. Mereka berpisah setelah Tengku Ali diturunkan daripada takhta kesultanan Terengganu.

Selain mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kerabat diraja Pahang, Tengku Ali juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kerabat diraja Kedah. Hubungan ini bermula apabila adindanya, iaitu Tengku Asma', berkahwin dengan Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah yang ke-27. Seorang lagi adindanya, Tengku Abdul Aziz, merupakan bekas juruiring Sultan Kedah. Tengku Abdul Aziz kini menetap di Kedah.

Berdasarkan bukti-bukti sejarah, Tengku Ali memang pernah menjadi Sultan Terengganu ke-14, yakni sebelum Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin memerintah Terengganu. Beliau dilantik menjadi Sultan Terengganu oleh jemaah menteri bagi menggantikan Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, ayahandanya, yang mangkat pada 25 September 1942.

PENAKLUKAN JEPUN

KHABAR Jepun menyerang Tanah Melayu sampai ke pengetahuan Tengku Ali sewaktu dia berusia 27 tahun. Dan pada 18 Disember 1941, Jepun pun tiba ke negeri Terengganu. Pada masa itu, Terengganu masih lagi diperintah oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, ayahanda Tengku Ali.

Sebelum British meninggalkan Terengganu, pada 9 Disember 1941, Penasihat Kerajaan British di Terengganu, G. A. C. de Moubray, telah pun memaklumkan kepada Sultan Sulaiman tentang peristiwa tentera Jepun melanggar Kota Bharu, Kelantan. Lalu, pada jam tiga petang 10 Disember 1941, Sultan Sulaiman bersama ahli keluarga baginda berangkat keluar dari Istana Kolam ke Residensi Batu Buruk. Baginda berlepas ke Kuala Berang dengan menaiki kereta dan dari sana berangkat pula ke Kampung Dusun, kira-kira sembilan kilometer jauhnya dengan menggunakan motobot. Selepas itu baginda berangkat pula ke Kuala Terengganu dan singgah di istana hinggap baginda di Padang Midin.

Kemaraan tentera Jepun ke Terengganu hanya melalui jalan darat, iaitu dengan berjalan kaki dan menggunakan trak. Dalam masa kemaraan itu, mereka telah menggugurkan sebutir bom di kawasan Pulau Kambing yang menjadi kawasan simpanan minyak tentera British. Bagaimanapun, bom itu tidak menepati sasaran sebaliknya telah terkena Kampung Losong Haji Mamat. Mereka kemudiannya telah melalui Kampung Losong untuk ke Kuala Terengganu dan

juga telah membuka petempatan di Pulau Kambing.

Pada 19 Disember 1941, Sultan Sulaiman telah dikunjungi oleh Jeneral Takami di Istana Maziah. Turut hadir dalam kunjungan itu ialah Dato' Jaya Perkasa (Setiausaha merangkap pemangku Menteri Besar). Perjumpaan juga telah diadakan di bangunan Sekolah Rendah Sultan Sulaiman antara tentera Jepun dengan sultan dan pegawai tinggi kerajaan untuk menerangkan tujuan peperangan Asia Timur Raya.

Pada 29 April 1942, *Shu Chiji Kakka* (Gabenor negeri Terengganu) mengeluarkan satu pemasyhuran am kepada penduduk negeri Terengganu dan jajahan takluknya:

Diberi ketahui kepada sekalian mereka isi penduduk negeri dan taklukan jajahan Terengganu. Bahawa pada masa sekarang negeri-negeri Melayu telah menjadi tanah jajahan taklukan Dai Nippon, Kerajaan Dai Nippon Tei Koku dengan sepenuhnya serta kekal selamanya. Maka segala pentadbiran negeri adalah menurut dari pemerintahan Kerajaan Dai Nippon Tei Koku yang dijalankan oleh ketua-ketua pentadbir yang telah dilantik oleh kerajaan Seri Maharaja Dai Nippon Tei Koku itu.

Oleh yang demikian, penduduk di dalam seluruh negeri Terengganu hendaklah faham dan mengerti dengan secukup-cukupnya tentang keadaan salasilah keturunan negeri Dai Nippon itu yang tidak ada tolok bandingnya dengan mana-mana negeri dalam dunia dan hendaklah faham berkenaan dengan tujuan yang sebenarnya peperangan Asia Timur Raya serta janganlah tersilap faham lagi bahawa kita sekalian ini adalah menjadi rakyat yang taat kepada pemerintahan Kerajaan Dai Nippon Tei Koku itu demikian adanya. . . .

Satu surat pemberitahu telah dikeluarkan oleh Kerajaan Dai Nippon di Terengganu melalui pejabat Suchiji Kuala Terengganu dengan perintah Reizaeman Muramatsu (Ke-

tua Keibetai, Terengganu) supaya orang-orang yang lari meninggalkan kediaman masing-masing kembali semula. Sekiranya sehingga 31 Mei 1942 mereka tidak juga kembali, orang-orang ini disifatkan sengaja mengingkari perintah kerajaan tentera Jepun.

PERLANTIKAN TENGKU ALI SEBAGAI SULTAN TERENGGANU

SULTAN Sulaiman Badrul Alam Shah mangkat kira-kira jam 5.30 petang Jumaat, 25 September 1942 (14 Ramadan 1361) di Istana Timur, Padang Seri Negara setelah demam beberapa hari selepas menduduki takhta selama 22 tahun. Kemangkatan baginda telah diisytiharkan oleh Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu kepada penduduk di kawasan bandar Kuala Terengganu pada jam sebelas malam menerusi alat pembesar suara. Almarhum Sultan Sulaiman kemudiannya dimakamkan dalam kubah Masjid Abidin pada keesokan harinya dengan penuh adat istiadat diraja.

Pada pukul 6.30 pagi keesokan harinya, Tengku Ali telah dikejutkan oleh Datuk Dalam yang mengatakan bahawa ayahanda Tengku Paduka menjemputnya segera ke Istana Badariah. Tengku Ali, yang tidak mengetahui tujuan pelawaan tersebut, terus sahaja bersiap-siap untuk menuruti ayahanda saudaranya.

Kira-kira jam lapan pagi, Tengku Ali pun tiba di istana. Beliau kemudiannya dijemput masuk oleh Tengku Paduka sambil memberitahu yang dia ingin melantik Tengku Ali sebagai pengganti Almarhum Sultan Sulaiman, ayahandanya. Turut sama berada di situ ialah Tengku Paduka dan dua orang adik Tengku Ali—Tengku Abdul Aziz dan Tengku Rashid. Melihat adindanya berada di situ Tengku

Ali bertanya, 'Kamu berdua bersetuju tidak Abang Long menggantikan ayahanda? Abang Long ini bukan mintaminta. Ini pemberian, kalau kamu tak setuju, tak apalah, Abang Long tidak kisah sangat kerana takut susah kemudian hari'.

Selepas percakapan itu, Tengku Ali tidak dibenarkan pulang ke Istana Panchur. Mereka mahu kata putus daripadanya. Pembesar-pembesar Melayu dan pegawai-pegawai pun turut serta. Selepas itu, kata putus dibuat. Istiadat melantik Tengku Ali sebagai sultan dimulakan. Mufti Terengganu, Sheikh Hassan membaca doa, dengan dihadiri oleh semua pembesar Melayu kecuali Dato' Jaya. Dia uzur dan berada di Singapura ketika itu.

Setelah Almarhum Sultan Sulaiman dimakamkan, maka di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri, ketua-ketua pejabat kemajuan, kerabat-kerabat diraja dan lain-lain, Tengku Ali ditabalkan sebagai Sultan. Sebaik ditabalkan, Tengku Ali membuat titah pertama.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Shogunkan dengan pertolongannya telah mengurniakan kepada saya surat akuan menjadi sultan bagi negeri Terengganu mengganti almarhum paduka ayahanda saya, Al-Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Maka saya dengan hati tulus ikhlas menerima kesyukuran di atas sebesar-besarnya nikmat pengurniaan ini dan mengakulah saya taat setia kepada Yang Maha Besar Kerajaan Dai Nippon yang sangat adil dan saksama dan menyertalah saya bekerjasama pada menanggung keberatan bagi tujuan membinakan keamanan dan mendirikan kemakmuran bersama-sama di Asia Raya ini.

Sukacita saya kiranya dengan jalan pertolongan Tuan Yang Terutama sila menyampaikan ucapan sepenuh-penuh terima kasih daripada saya kepada tuan ketua pejabat pen-

tadbiran tentera Dai Nippon yang telah memperkenankan di atas perlantikan itu dan juga diharapkan dengan jalan Tuan Yang Terutama menjawab telegram kepada Tuan Yang Terutama Panglima Agung Tentera Dai Nippon.

Perlantikan Tengku Ali dilakukan menurut adat istiadat Melayu sebagaimana yang terdapat di dalam Perlembagaan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang ditandatangani dahulu oleh Almarhum Sultan Zainal Abidin III.

Tengku Ali telah ditabalkan dan diisytiharkan menjadi sultan dan ketua agama Islam setelah kemangkatan Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah oleh jemaah menteri yang beragama Islam. Turut serta ialah kerabat-kerabat diraja yang akrab, iaitu ayahanda saudaranya (bekas Sultan Ahmad dan kerabat-kerabat lain), pembesar-pembesar negeri, mufti dan seluruh rakyat negeri Terengganu serta wakil Sultan Kelantan dan Sultan Pahang.

Perlembagaan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu adalah mengikut hukum syarak berlandaskan Khalifah Muawiyah di mana sultan sesebuah negeri adalah juga ketua agama Islam. *Warasah* (penerima pusaka) adalah *nasab* (keturunan) yang *akrab* (terdekat). Sebagaimana dijelaskan dalam Perlembagaan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Fasal 1 (Bab II dan Bab III), telah ditentukan bahawa *Warasah Nasab Akrab* ialah anak sulung lelaki sultan yang memerintah.

Tengku Ali, sesungguhnya, tidak ditabalkan atau dilantik oleh Maharaja Jepun. Kemahkotaannya adalah berikutan daripada kemangkatan ayahandanya, mengikut adat istiadat raja-raja Melayu dan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu. Mengenai perlantikan beliau, Jepun telah mengeluarkan kenyataan dalam Warta Kerajaan Terengganu Bil. 14 bertarikh 15 Oktober 2602 (Jilid VI).

Langkah pertama Tengku Ali selepas ditabalkan menjadi sultan ialah mentauliahkan semula Sheikh Hassan bin Said al-Yamani sebagai Mufti Terengganu. Kemudiannya jawatan Sheikh Hassan ditukar sebagai Pesuruhjaya Agama pada 12.12.1942. Dengan itu perlantikan Tengku Ali selaku Pesuruhjaya Agama dibatalkan. Ketika menjadi pemerintah Terengganu, Tengku Ali juga menyeru rakyat supaya bekerjasama serta menghapuskan mereka yang cuba menghapuskan pentadbiran Jepun. Tengku Ali juga mengingatkan supaya melupakan kehidupan masa pemerintahan British dan bangkit membina kehidupan sendiri tanpa bergantung kepada negara luar.

Untuk memudahkan pentadbiran negeri, Tengku Ali melantik Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar Mohamad sebagai Menteri Besar bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Perlantikan itu dilakukan setelah mendapat persetujuan bertulis daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Tentera (Jepun). Ia dibuat pada 1 Zulhijah 1362 bersamaan 28 November 2486.

Pada hari berkenaan juga, Tengku Ali telah melantik lima orang jemaah menteri, terdiri daripada Dato' Jaya Perkasa dan Tengku Jaya Pekerma. Ahli mesyuarat negeri pula dilantik pada 29 November 2486. Mereka ialah Dato Jaya Perkasa, Tengku Beja Wangsa, Tengku Pekerma Wera, Tengku Paduka Raja dan Tengku Jaya Pekerma.

Che Hashim Dato Duwangsa, Dato Indera Pahlawan, Dato Sangsura Pahlawan, Tengku Seri Akar Raja, Che Yusof Long, Che Khalid Abdul Rahman. Lain-lain yang dilantik ialah Engku Bejaya Sura, Tengku Indera Segara, Tengku Ismara Raja, Tengku Serewa Raja, Tengku Muda Mohamad dan Haji Ali Omar.




1 Sultan Zainal Abidin III ini adalah nenda kepada Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.



2 Bonda Tengku Ali, Tengku Ampuan Maryam binti Sultan Ahmad, Pahang.



3 Bergambar ramai di hadapan Istana Kolam, Kuala Terengganu. Dari kanan ke kiri: Dato' Jaya Perkasa (Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Menteri Besar), pegawai tinggi tentera Jepun, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (ayahanda Tengku Ali), Brigadier Tokugawa, Obata Penasihat Tentera Jepun di Terengganu.



4 Sebahagian daripada jemputan yang hadir dan berhimpun bagi perarakan diraja pada tahun 1920-an. Gambar dengan ihsan Haji Othman Haji Ali.



5. Orang ramai membanjiri Bukit Puteri berhampiran Istana Maziah untuk menyaksikan perkahwinan diraja yang dirakamkan pada tahun 1924.



6 Salah sebuah istana Sultan Sulaiman, ayahanda Tengku Ali. Gambar ini dirakamkan pada awal tahun 1920-an.



7 Istana Maziah berhampiran Bukit Puteri yang menjadi tempat beberapa orang kerabat diraja, menteri serta Headly berhimpun untuk memecat Tengku Ali sebagai sultan pada 16 Disember 1945. Gambar yang dirakamkan pada awal tahun 1940-an adalah ihsan Haji Othman Haji Ali.



8 Sebuah jentolak merobohkan Istana Kolam di Kuala Terengganu pada tahun 1986. Gambar daripada album penulis.



9 Tengku Ali semasa kecil bersama kereta ayahandanya, Sultan Sulaiman yang dirakamkan pada awal tahun 1920-an. Gambar dengan ihsan Haji Othman Haji Ali.



10 Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman
Badrul Alam Shah.



11 Bukti: Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah menunjukkan surat pengesahan takhtanya yang dikeluarkan oleh pemerintah Jepun dalam tahun 1942.



BAHAGIAN II

Tengku Ali bercerita tentang kedudukannya sebagai Sultan Terengganu dalam masa pendudukan Jepun. Beliau diturunkan takhta setelah Jepun menyerah kalah.



ZAMAN PEMERINTAHAN JEPUN

Politik Dan Pentadbiran

SAYA menjadi Sultan Terengganu setelah setahun setengah Jepun memerintah. Bagaimanapun, Jepun telah banyak memperkenalkan corak pentadbiran baru sejak almarhum ayahanda saya memerintah lagi.

Banyak jawatan yang ada pada zaman British ditukar dan digantikan. Pada 24 April 1942, dikeluarkan satu pengisytiharan am untuk memberitahu kepada seluruh rakyat bahawa Tanah Melayu telah menjadi tanah jajahan kerajaan *Dai Nippon Tei Koku*. Oleh yang demikian, segala peraturan negeri hendaklah menurut perintah kerajaan tentera Jepun yang dijalankan oleh ketua-ketua pentadbir yang telah dilantik oleh kerajaan *Dai Nippon*.

Seluruh penduduk Terengganu dimestikan mengetahui bahawa negeri *Dai Nippon* sebagai yang terbaik. Mereka juga diberitahu tujuan sebenar peperangan Asia Timur Raya serta mestilah memberi taat setia kepada pemerintah. Walau bagaimanapun, institusi sultan tetap berjalan sebagaimana yang direncanakan. Pemerintah tentera Jepun membahagikan negeri Terengganu kepada lima jajahan atau daerah, iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Besut. Seorang pesuruhjaya ditempatkan di setiap jajahan tersebut yang terdiri daripada bangsa Jepun kecil di daerah Kuala Terengganu yang diletakkan terus di bawah kekuasaan seorang gabenor (*Syuchokan Kakka*).

Di bawah Gabenor serta pesuruhjaya daerah, ditempatkan pula seorang pegawai daerah (*gunco*) Melayu. Di peringkat mukim, terdapat seorang penghulu yang bertindak sebagai pegawai daerah dan seorang ketua kampung. Tentera Jepun juga mengadakan perubahan dalam jabatan Kerajaan Terengganu, yang dilaksanakan mulai 7 Mei 1942. Mulai tarikh itu lima jabatan besar ditubuhkan, iaitu Jabatan Tuan Suchiji Terengganu (*Chiji Kambo*), Jabatan Am (*Somubu*), Jabatan Khazanah (*Zeimubu*), Jabatan Perniagaan dan Pertukangan (*Sangyobu*) dan Jabatan Pengangkutan dan Perjalanan (*Kotsubu*).

Di bawah lima jabatan itu, terdapat pula 20 buah pejabat yang mengendalikan tugas-tugas pentadbiran tertentu. Sementara itu, di bawah *Chiji Kambo*, diadakan pula dua buah pejabat lain, iaitu Bilik Siasat dan Mesyuarat (*Shingishitu*) dan Pejabat Am (*Shomuka*).

Sebelum itu, Pejabat Am dikenal sebagai Pejabat Setiausaha (*Keimubu*) dengan fungsi dikendalikan oleh pegawai Melayu dan Jepun. Terdapat juga Pejabat Maklumat yang diketuai oleh Haji Salleh bin Haji Awang dengan dibantu oleh Ibrahim Fikri. Jabatan *Somubu* pula mengandungi sepuluh buah pejabat, iaitu Pejabat Polis, Pejabat Mahkamah, termasuk Mahkamah-mahkamah Kerajaan, Pejabat Penjara, Pejabat Agama, Pejabat Pelajaran, Pejabat Ubat, Pejabat Cetak, Pejabat Audit, Pejabat Bandaran dan pejabat menjaga harta benda musuh. Ada dua lagi pejabat yang diletakkan di bawah Jabatan *Zeimubu* iaitu Pejabat Khazanah dan Pejabat Kastam, Syahbandar, Candu dan Minuman.

Bahagian Jabatan *Sangyobu* pula mengandungi lima buah pejabat iaitu Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Ukur, Pejabat Tanaman dan Isi Laut, Pejabat Hutan, dan Pejabat Kawalan Makanan. Jabatan *Kotsubu* pula, mengandungi Pejabat Pos dan Telegraf serta Pejabat Kerja Raya.

Segala perkara berkaitan pertubuhan dan tanggungan pekerjaan bagi pegawai-pegawai Kerajaan Terengganu akan ditetapkan oleh Pejabat Pentadbiran Tentera bilangan ke-25 di samping peraturan-peraturan pekerjaan.

Pada 30 Ogos 1942, gelaran Tuan Yang Terutama Tuan Suchiji dan Pejabat *Chiji Kambo* diubah. Gelaran Tuan Suchiji Kakka Terengganu dan pejabatnya, Pejabat *Chiji Kambo* menjadi *Syuchokan* dan Pejabat *Kambo*. Selepas tarikh pemberitahu tersebut, segala surat hendaklah dialamatkan kepada Tuan Syuchokan Terengganu.

Pada 1 April 1942, satu pemberitahuan dikeluarkan oleh pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu. Pemberitahuan itu berkait dengan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa mulai waktu itu. Ini adalah peraturan dan undang-undang Kerajaan Tentera Jepun dan peraturan dari undang-undang lain dibatalkan.

Bermula 1 Julai 1942, tiga jenis mahkamah ditubuhkan iaitu Mahkamah Besar (Koto Hoin), Mahkamah Jajahan (Chiho Hoin) dan Mahkamah Kadi (Kaikyo Hoin).

Mahkamah Besar mengkaji (1) Kes rayuan daripada mahkamah besar. Hakimnya terdiri daripada seorang pegawai Nippon dan seorang pegawai Melayu. (2) Perkara rayuan daripada Mahkamah Jajahan dan (3) Perkara yang tidak diterima oleh Mahkamah Jajahan boleh diterima dengan perkara yang pertama.

Mahkamah Jajahan mengkaji kes-kes harta (mal) di bawah seribu ringgit dan kes-kes jenayah di bawah dua tahun penjara atau di bawah lima ratus ringgit denda. Sementara Mahkamah Kadi mengkaji kes-kes berkaitan dengan kes-kes yang ditetapkan oleh peraturan Mahkamah Kadi.

Selain itu, bermula 4 Januari 1942, kes jenayah yang dijalankan oleh pegawai polis dibatalkan, setelah berkuatkuasanya peraturan baru. Sebarang kes yang digantung

atau belum diputuskan diserahkan kepada mahkamah yang berkenaan. Kes-kes yang berkait dengan harta benda (mal) yang digantung (belum diputuskan lagi), disifatkan ter-tolak. Sementara itu Tengku Seri Setia Raja yang menjadi Menteri Besar Terengganu ketika itu diberhentikan dan dilantik menjadi ahli Pejabat *Shinjishitu* di bawah Pejabat *Chiji Kambo*. Manakala Dato' Jaya Perkasa, Setiausaha Negeri Terengganu turut diberhentikan untuk dilantik menjadi ahli pejabat yang sama.

Peranan pesuruhjaya jajahan disifatkan sebagai wakil pemerintah dan bertanggungjawab kepada Gabenor. Manakala pegawai-pegawai daerah bertugas menjalankan pentadbiran daerah dan bertanggungjawab kepada pesuruhjaya jajahan masing-masing. Penghulu dan ketua kampung bertanggungjawab menjaga mukim dan mengawal keselamatan mukim dan kampung masing-masing. Satu unit kawalan kampung ditubuhkan yang diberi nama *Jukaidan*. Kecuali tidak ada arahan baru kebanyakan pejabat yang diubah tentera Jepun terus menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti dalam masa pemerintahan British.

Selain mempunyai fungsi biasa, pejabat polis berfungsi menjaga kuli dan orang asing, siap dengan jadual tanggungjawabnya. Di bawah Jajahan *Chiji Kambo*, terdapat Bilik Sekretariat Gabenor (*Chokan Kambo*). Bilik *Chokan Kambo* ini berfungsi menjaga mohor kerajaan dan pegawai menjalankan surat-menyurat kerajaan dan menyimpan dokumen kerajaan. Di samping itu ia juga mengeluarkan warta kerajaan, membuat peringatan dan percetakan, mengawal rumah serta kereta kerajaan dan menjemput orang perseorangan. Pejabat ini juga berfungsi sebagai penyelar hal-hal yang berkaitan dengan pekerjaan setiausaha sulit kepada *Syuchokan*.

Jabatan *Somubu* pula menyelar perlantikan kakitangan dan pegawai kerajaan dan urusan kewangan. Jabatan ini

juga menjadi tempat rujukan sistem perjalanan pentadbiran di setiap jajahan dan hal yang bersabit dengan kelompok bangsa. Jabatan ini turut menyelaras pelajaran agama, hal-ehwal semasa dunia dan pengauditan.

Pejabat *Keimubu* atau polis dikaitkan dengan hal-hal keselamatan, pekerjaan mahkamah, mengawal kebersihan dan kesihatan. Justeru itu, pesuruhjaya polis memohon diberikan kuasa kehakiman dan majistret kepada semua pegawai polis untuk memudahkan hukuman dijalankan. Namun begitu, permohonan haruslah dibawa ke mesyuarat negeri atau mendapat titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terlebih dahulu untuk keputusan.

Pejabat *Sangyobu* bertugas menjaga hal-ehwal isi hutan dan tanaman, perniagaan, pertukaran dan isi laut. Pejabat ini bertanggungjawab membuat bangunan dan kapal serta berkuasa dalam hal-hal galian dan ukuran, tambang-mambang, telegraf, perhubungan mel serta elektrik. Untuk memperkuatkan keselamatan, Jepun mewajibkan semua orang India dan Cina mendaftar diri. Orang-orang ini dikenali pasti sama ada mereka masih menjadi rakyat negara asal mereka yang dijajah oleh musuh kerajaan tentera Jepun, atau rakyat Kerajaan British.

Semasa mendaftar, mereka hendaklah memberikan butir-butir diri seperti nama, umur, pekerjaan, alamat tempat tinggal, jumlah ahli keluarga dan tempat lahir. Mereka mendaftar di rumah-rumah pasung yang berhampiran dengan tempat tinggal. Jika gagal mendaftar, mereka dikenakan hukuman yang berat dan dianggap musuh.

Sementara itu, perisytiharan dikeluarkan untuk menangkap orang-orang British yang masih berlindung di Terengganu terutama di hutan-hutan. Orang Inggeris adalah musuh utama kerajaan tentera Jepun kerana mereka akan mempengaruhi rakyat untuk menentang Jepun.

Polis dikerahkan mengintip dan menangkap. Orang ra-

mai pula dinasihatkan memberi maklumat dan bekerjasama dengan kerajaan Jepun untuk menangkap orang-orang British. Jika ada yang enggan bekerjasama dan didapati melindungi musuh orang-orang itu akan dikenakan hukuman berat. Yang memberikan kerjasama akan diberi hadiah.

Pemerintah Jepun juga mengeluarkan arahan membatalkan penukaran, pengubahan atau pemindahan mana-mana tanah, bangunan, gudang, kilang perniagaan, getah, bijih timah, minyak, kereta bermotor, enjin-enjin atau perkakasnya. Semua ini hendaklah didaftarkan semula tidak lewat dari 10 Januari 1942 dan disahkan oleh *Shuchiji*. Mana-mana surat hak milik tanah dan surat-surat geran yang ditandatangani oleh Sultan Terengganu selepas 1 Disember 1941 diiktiraf atau disahkan setelah mendapat tandatangan *Shuchiji* Terengganu.

Satu bentuk kawalan keselamatan kampung yang disebut *jukeidan* juga diadakan. Ketua kampung diarahkan mencari orang-orang kampung untuk tugas mengawal keselamatan dari 7.00 malam hingga 6.00 pagi. Setiap pengawal diberikan sebatang kayu nibung, $2\frac{1}{2}$ kaki panjang sebagai senjata. Pengawal dikelompokkan dalam pasukan enam orang yang disebut 'kubu'. Setiap kelompok bertugas dua malam seminggu.

Untuk menjamin kestabilan, tentera Jepun di Terengganu mengeluarkan pengisytiharan baru. Bilangan 1/60 yang bertarikh 19 Zulhijah 1360 dan Bilangan 4/61 yang bertarikh 26 Muharam 1361. Yang antara lain seseorang itu:

- hendaklah menyerahkan semua bentuk senjata,
- ditegah keluar selepas pukul sepuluh malam,
- dipersalahkan jika tidak mengambil atau menyimpan harta atau barang kepunyaan orang British,
- dipersalahkan jika tidak menyerahkan petrol yang didapati di Sungai Bawai.

Jika rakyat didapati bersalah, mereka boleh dihukum

denda tidak lebih daripada seratus ringgit atau dipenjara dengan kerja berat atau ringan, tidak lebih daripada enam bulan.

Jika ada senjata seperti pistol, rakyat hendaklah mendaftarkannya di rumah pasung tidak lewat dari 11 Julai 1942. Kalau gagal mereka akan dikenakan hukuman berat.

Tentera Jepun turut mewujudkan Perkhidmatan Sulit Jepun (Tekikan), Garison Tentera, Polis Tentera (Kempetai), Mata-mata Gelap dari Jabatan Penyiasatan Jenayah (Toko), polis biasa dan polis tambahan untuk menghapuskan penentang-penentangannya terutama dari gerila-gerila Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA).

Oleh kerana tidak tahan melihat penderitaan rakyat pada masa pemerintahan tentera Jepun ini, maka beberapa tokoh pemuda yang bersemangat kebangsaan dan keagamaan mengambil langkah untuk bekerjasama dengan tentera Jepun. Antara pemuda-pemuda itu ialah Fikri, Wan Daud b. Ahmad dan Dato' Haji Salleh. Berkat kerjasama ini maka Sekolah Khairiah di Hiliran, Kuala Terengganu dan Balai Besar di dalam kawasan Istana Maziah yang hendak dijadikan kelab hiburan tentera Jepun, berjaya dipindahkan ke Madrasah Sultan Zainal Abidin.

Sebelum kedatangan Jepun, iaitu menjelang tahun 1930-an muncul satu golongan Melayu yang fahamannya bertentangan dengan golongan nasionalis moderat. Mereka yang sebahagian besarnya terdiri lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM), dengan Ibrahim Yaakob sebagai Presiden, Abdul Karim Rashid sebagai Setiausaha dan Hasan Manan sebagai Bendahari. Ahli-ahli yang lain termasuklah Mustafa Husin, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Onan Haji Siraj dan Sultan Djenin.

Ibrahim Yaakob mengadakan pertemuan dengan se golongan pemuda Terengganu di Grand Hotel, Kuala Te-

rengganu. Tertarik dengan dasar-dasar KMM, pemuda Terengganu, yang dipelopori Ibrahim Fikri, Wan Daud Ahmad, Muda Jabil, Muda Kasim, Ibrahim Sulaiman, Zakaria Arshad dan Muda Rahim menubuhkan cawangan KMM di negeri itu. Wan Daud Ahmad dipilih sebagai Presiden dan Ibrahim Fikri Setiausahanya. Tetapi KMM cawangan Terengganu tidak aktif hinggalah Jepun menguasai Terengganu. Di zaman Jepunlah KMM Terengganu mengembangkan pengaruhnya. Mereka berhubung baik dengan Jepun dan berbagai-bagai kegiatan diadakan.

Di Besut antara yang aktif dalam KMM ialah Wan Abu Bakar bin Wan Chik, Wan Abdul Manan Ahmad dan Mohd. Zain Hassan. Mereka juga lepasan SITC. Mereka berusaha menyelamatkan orang Melayu Besut dari kekejaman tentera Jepun. Anggota KMM Mohammad Senawi misalnya berjaya menghalang tentera Jepun daripada menjadikan pemuda-pemuda Melayu Besut buruh paksa membina jalan kereta api maut Siam-Burma. Mohamad Senawi berjanji mengumpulkan satu barisan buruh sukarela membuat bot dan memperbaiki lapangan terbang Gong Badak, Pasir Puteh. Jepun bersetuju tetapi tetap curiga apakah golongan Melayu ini berpura-pura atau sungguh-sungguh bekerjasama. Akhirnya menjelang Jun 1942 KMM dibubarkan. Sebagai ganti tentera Jepun menubuhkan *Gi Yu Gun* atau Pembela Tanah Air (PETA) dengan mengambil langkah bekerjasama dengan pemimpin KMM pusat, Ibrahim Yaakob. Ibrahim dilantik sebagai Leftenan Kolonel. Bagaimanapun, ramai juga bekas anggota KMM yang penting tidak menyertai PETA.

Golongan yang membangkitkan semangat menentang penjajah, termasuk Ibrahim Fikri, mendapatkan kerjasama Haji Salleh Awang yang ketika itu bekerja sebagai Pegawai Maklumat Jepun. Golongan ini memberi ceramah dan syarahan di surau dan masjid, dan berusaha menghubungi

'Force 136'. Usaha menghubungi Force 136 ini juga dilakukan oleh Wan Daud Ahmad yang berulang-alik antara Terengganu dengan Siam. Usaha ini tidak menampakkan kejayaan kerana tidak mendapat sambutan. Golongan kiri dan nasionalis Terengganu gagal dalam perjuangan mereka mungkin kerana tentera Jepun kalah perang pada Ogos 1945. Mereka melarikan diri ke Bukit Keluang dan Pulau Ru. Mohd Senari dari Kuala Besut menjadi ketua mereka.

Semasa Tanah Melayu diperintah Bintang Tiga, KMM dan PETA tidak bergiat lagi. Seorang tokoh KMM Terengganu, Abdul Hamid Haji Muhammad malah dibunuh oleh anggota Bintang Tiga. Apabila pasukan Force 136 di bawah pimpinan Kolonel D. Headly tiba di Terengganu, ramai pemimpin KMM dan PETA ditahan.

Terengganu Diserahkan Kepada Negara Thai

Pada 20 Ogos 1943, satu perjanjian ditandatangani di Bangkok antara Jeneral Tojo (Perdana Menteri Jepun) dengan Luang Pihul (Perdana Menteri Negara Thai). Menurut perjanjian itu empat buah negeri Tanah Melayu—Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Negara Thai. Penyerahan dibuat kerana Jepun ingin menunjukkan kerjasama dengan Negara Thai. Jepun terutang budi kepada Negara Thai kerana berjaya mengalahkan Tentera Berikat dan membenarkan negeri itu digunakan Jepun sebelum menawan Tanah Melayu.

Penyerahan diisytiharkan oleh Kerajaan Jepun melalui pemberitahu khas kerajaan negeri. Sebaik mendengar perisytiharan itu, saya sebagai sultan berasa sangat dukacita kerana perisytiharan dibuat tanpa berunding terlebih dahulu dengan raja-raja Melayu. Beberapa kumpulan penduduk turut menentang. Mereka berkata rakyat Tereng-

ganu sudah biasa dengan pemerintahan Jepun yang memberi kebebasan kepada mereka untuk mengamalkan agama dan adat istiadat Melayu.

Tidak lama kemudian, Mufti Terengganu menulis surat kepada saya untuk memaklumkan rasa tidak puas hatinya berhubung penyerahan tersebut. Beliau menulis panjang lebar kepada saya. Berikut diperturunkan isi surat beliau sepenuhnya (tanpa mengubah sedikit pun kecuali ejaannya).

Menghadap Yang Berhormat Sultan Ali ibni Almarhum al-Sultan Sulaiman, di Telaga Panchur, dengan kesejahteraannya.

Tuanku,

Adalah dengan beberapa hormatnya alhakhir Mufti Kerajaan Terengganu mengangkat sembah iaitu kemudian daripada Kerajaan Dai Nippon telah memasyhurkan penyerahan empat buah negeri termasuk Terengganu kepada pemerintahan Kerajaan Thai pada tarikh 5.7.1943 maka senantiasalah alhakhir menghebahkan pemasyhuran itu kepada awam rakyat jelata Terengganu sambil menyatakan kepada mereka supaya jangan mereka mengubah Asia Timur Raya.

2. Maka di dalam penghebahkan alhakhir itu sentiasalah alhakhir menduga bagaimanakah keadaan perasaan rakyat jelata Terengganu setelah mendengar berita perpindahan yang tersebut iaitu sekalipun telah diberi faham supaya mereka taat menjunjung perintah yang tersebut tetapi bukanlah semua perintah yang dijunjung dengan tulus ikhlas itu mesti bersetuju dengan pendapatan dan kegemaran tiap-tiap seorang. Di dalam hal itu dapatlah saya mendengar butir-butir yang dilafazkan oleh rakyat jelata termasuk mereka yang menjadi ikutan kepada ramai sebagaimana di bawah ini.

I. Kata mereka: Negeri Terengganu ini walaupun telah menjadi takluk perintah Kerajaan Dai Nippon iaitu salah sebuah negeri yang didapatinya dengan kekuasaan pedang tetapi kami semua amat merbahaya bahawa Kerajaan Dai Nippon hendak menjadikan rakyat Terengganu sebagai hamba abdi yang ditebus, dan kami yakin benar bahawa Kerajaan Dai Nippon menaktukkan itu ialah kerana tujuan yang suci, iaitu kerana mendirikan pembantu yang daif serta mendatangkan kemakmuran untuk bersama di dalam lingkungan Asia Timur Raya, maka ketika itu pada pendapatan kami tetaplah kami menderita kerugian yang maha besar manakala kami dipimpin dan diperintah oleh sebuah kerajaan yang ia sendiri berhajat kepada pimpinan penaung besar bagi Asia Timur iaitu Kerajaan Dai Nippon.

II. Di dalam bahagian agama pula, kata mereka kami amatlah bersedih hati manakala kami telah sempat melihat di Terengganu ini bahawa pengakuan Kerajaan Dai Nippon hendak membantu agama Islam itu sebenarnya telah dilakukan, lihatlah sekarang bagaimana perjalanan agama di Terengganu? Berapa banyak sekolah agama yang telah terdiri di dalam masa pemerintahan Kerajaan Dai Nippon dan lain-lain perubahan yang telah dapat disaksikan oleh ramai dengan pertolongan Kerajaan Dai Nippon tetapi sebaliknya pula berbagai-bagai perkhabaran yang mendukakan hati telah kami mendengar dari kaum Islam yang mendiami di bawah pemerintahan Thai kata mereka hingga pakaian-pakaian keagamaan pun tidak dibenarkan orang-orang Islam memakainya. Begitulah panjang lebar mereka berkata di dalam bahagian agama yang memadalah disebutkan dengan ringkas sahaja di sini. Demikianlah bunyi sungutan 95 peratus daripada rakyat jelata Terengganu.

3. Dengan hal yang sebegitu maka dengan sifat alhakhir Mufti

Kerajaan Terengganu inilah alhakhir menyampaikan kepada maktuman Tuanku bagaimana perasaan yang tersebut terhadap serahan negeri Terengganu kepada pemerintahan Kerajaan Thai tetapi bukanlah pula perasaan itu membuktikan tidak taat kepada apa yang telah dimasyhurkan oleh Kerajaan Dai Nippon, dan dipohonkan supaya Tuanku menyampaikan pula maklumat yang tersebut kepada pengetahuan kerajaan. Demikianlah adanya.

*Pejabat Agama Terengganu Mufti Kerajaan Terengganu
Pada 18.7.1943.*

Perkara penyerahan ini turut dibincangkan dalam mesyuarat di Telaga Panchur pada 21 Julai 1943, jam sebelas malam. Antara yang hadir dalam mesyuarat itu ialah saya, Tengku Serewa Raja, Dato' Nara Diraja, Dato' Sangsuran, Dato' Bentara Rakna, Dato' Purba Wangsa, Dato' Balai, Haji Ali (setiausaha sulit) dan Tengku Bentara Dalam. Mesyuarat mengambil keputusan untuk menghantar surat bantahan yang menentang penyerahan Kerajaan Terengganu kepada Kerajaan Thai sekiranya langkah yang sama diambil oleh negeri-negeri Kedah, Perlis dan Kelantan.

Saya bagi pihak rakyat negeri Terengganu, memang tidak bersetuju sama sekali dengan tindakan terburu-buru Kerajaan Jepun itu. Saya mengemukakan beberapa alasan untuk menentang penyerahan tersebut. Pertama, penyerahan tersebut dirasakan tidak patut kerana rakyat negeri Terengganu telah berasa sesuai dengan perjalanan dan pemerintahan *Dai Nippon*. Kedua, rakyat negeri Terengganu memang suka dengan pemerintahan *Dai Nippon* kerana mereka senang mencari rezeki dan pekerjaan. Ketiga, adalah lebih baik negeri Terengganu berada di bawah pemerintahan *Dai Nippon* sewaktu keadaan dunia masih belum aman. Keempat, pegawai-pegawai dan anak-anak negeri banyak yang sudah faham dengan perjalanan pemerintahan

Kerajaan *Dai Nippon* dan mereka sedia membantu pegawai-pegawai *Dai Nippon* menjalankan pekerjaan.

Selaku ketua negeri, saya telah dimaklumkan oleh Jeneral Tojo di rumah kerajaan di Syonan pada 5 Julai 1943. Jeneral itu menyatakan empat buah negeri Melayu itu diletakkan di bawah pentadbiran Thai. Menurutnyanya lagi, sultan-sultan tidak perlu risau dan hendaklah taat kerana ini untuk bekerjasama dengan Kerajaan *Dai Nippon* bagi kemakmuran Asia Timur Raya. Dengan demikian, semua sultan mengaku taat kepada Jeneral Tojo dan difahamkan bahawa perintah itu datang daripada Seri Maharaja. Oleh kerana sultan-sultan mengaku taat setia kepada Maharaja Tenno Heika, terpaksa semua baginda taat jua, kerana yang membuat perintah itu adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada 15 Oktober 1943, gabenor dan pegawai Thai tiba di Terengganu dan tiga hari kemudian, mereka mengambil alih pentadbiran negeri Terengganu. Kerajaan Thai memberi jaminan tidak akan melibatkan diri dalam soal-soal agama dan istiadat. Sementara itu bendera negeri boleh dikibarkan di pekarangan istana dan boleh juga dipasangkan di kereta sultan.

Pada 1 November 1943, gelaran Gabenor Jeneral yang memerintah Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah ditukarkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai, tetapi masih tinggal di Alor Setar, Kedah. Jawatan gabenor bagi setiap negeri ditukarkan kepada pesuruhjaya tentera.

Pada 27 November 1943, Pesuruhjaya Tentera Thai memaklumkan kepada saya bahawa, Kerajaan Thai ber-setuju membenarkan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu. Dengan itu, pada 28 November 1943, saya melantik Dato' Jaya Perkasa (Che Da Omar) sebagai Menteri Besar. Saya juga melantik Dato' Jaya Perkasa (Che Da Omar), Tengku Paduka Raja (Tengku Ismail), Tengku

Beja Wangsa (Tengku Hitam bin Tengku Ali), Tengku Jaya Pekerma (Tengku Abu Bakar) dan Tengku Pekerma Wera (Tengku Wok Tengku Zain) sebagai ahli jemaah menteri.

Pada 29 November 1943, pengisytiharan dibuat ke atas perlantikan ahli mesyuarat negeri. Antara nama yang disenaraikan ialah Dato' Jaya Perkasa, Tengku Pekerma Wera, Dato' Sangsura Pahlawan, Che Khalid bin Haji Abdul Rahman, Che Yusof bin Long, Tengku Indera Segara, Engku Bejaya Sura, Tengku Serewa Raja, Tengku Ismara Raja, Haji Ali bin Omar dan Tengku Muda Muhammad. Seterusnya Tengku Hitam bin Tengku Ali dilantik sebagai setiausaha kerajaan. Perlantikan ini diisytiharkan pada 29 November 1943. Pada 14 Disember 1943, Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu bersidang semula setelah beberapa tahun dimansuhkan oleh kerajaan tentera Jepun. Jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri yang dikenali dengan panggilan *Montri Spa* disandang oleh saya sendiri manakala Naib Presidennya Dato' Jaya Perkasa (Che Da Omar).

Sosial

Semasa tentera Jepun memerintah kebanyakan penduduk kurang makan. Ubat juga kurang sehingga kesihatan tidak terjaga. Pendidikan tidak sempurna. Namun demikian, tentera Jepun berusaha memperbaiki keadaan. Sekolah-sekolah dibuka tetapi lebih bersifat kejeputan. Ubi kayu dijadikan makanan utama sehingga lahir sebutan 'zaman ubi kayu'.

Sistem catuan atau sistem berkad diperkenalkan. Ketua kampung memberi kad catuan untuk tiga jenis barang, iaitu beras, gula dan serbuk kopi. Beras diberi mengikut jumlah ahli keluarga, manakala gula dan serbuk kopi diberi sebanyak empat dan $1\frac{1}{2}$ tahil untuk setiap keluarga. Orang-orang yang tidak berdaftar tidak mendapat catuan. Kad

hanya boleh digunakan di kedai-kedai tertentu.

Dalam bulan Ramadan, kakitangan yang bekerja di jabatan *Dai Nippon* dibenarkan pulang pukul dua petang. Cuti diberikan untuk hari Safar, Hari Raya, Awal Muharam, Hari Tujuh Likur dan sebagainya. Pungutan zakat fitrah berjalan dengan baik.

Bahasa Jepun dijadikan bahasa perantaraan di sekolah-sekolah, surat khabar, radio dan filem. Pada sebelah pagi, semua orang dikehendaki menyanyikan lagu Jepun 'Kamigayo' dan membongkokkan diri ke arah timur laut, menghala Seri Maharaja Jepun (Tenno Heika).

Tentera Jepun juga mengubah perjalanan waktu yang berkuat kuasa mulai 25 Mei 1942 dengan perselisihan waktu satu jam 30 minit. Tentera Jepun turut menukar tahun Masihi kepada tahun Maharaja Jepun naik takhta. Ini bermakna, tahun 1942 ditukar kepada tahun 2602. Hari bulan dkekalkan.

Pendidikan

Sebelum kedatangan Jepun, British memperkemaskan sistem persekolahan di Terengganu yang coraknya sekular. Apabila tentera Jepun mengambil alih pentadbiran, semua sekolah Inggeris ditukar menjadi sekolah rendah umum. Sekolah rendah tempatan dibiarkan berjalan seperti biasa. Bahasa Jepun diajar berpandukan asas pelajaran Jepun. Buku diberi percuma dan wang bayaran sekolah dikenakan. Sekolah menengah atas dan tinggi tidak dibuka. Beberapa buah sekolah seperti sekolah teknik, sekolah pertukangan, maktab kaji laut, perikanan, telekom dan maktab pertanian didirikan.

Di sekitar Kuala Terengganu ada beberapa buah sekolah seperti Sekolah Atas Tol, Sekolah Ladang, Sekolah Paya Bunga, Sekolah Grammar di Bukit Jambul, Air Jernih, Se-

kolah Chabang Tiga dan Sekolah Paloh. Sekolah Chendering dibina semasa tentera Jepun memerintah dan diketuai oleh seorang Jepun yang bergelar Tuan Uzoy. Sekolah ini terletak di Kampung Baram, Chendering. Di samping belajar bahasa Jepun, murid-murid diajar tulisan Rumi, Jawi, Ilmu Kira-kira asas seperti campur, bahagi, darab dan tolak serta Ilmu Alam. Sesekali pegawai-pegawai Jepun melawat dan kadang-kadang mereka mengajar aspek ketenteraan. Pada hari kebesaran seperti Hari Keputeraan Maharaja Jepun murid-murid disuruh berarak dan meluk *banzai*.

Pemerintah tentera Jepun mengambil berat tentang agama Islam. Buktinya sekolah-sekolah agama dan Arab bertambah dengan pesatnya. Di setiap daerah, terutama di Kuala Terengganu, banyak sekolah agama dan Arab didirikan. Di Besut, misalnya terdapat dua sekolah Arab iaitu Sekolah Maarif di Kampung Raja dan Nurul Itifaq di Kuala Besut. Bagaimanapun, di daerah Dungun, tiada sekolah baru didirikan. Sekolah-sekolah Cina sebahagiannya ditutup dan dijadikan kediaman tentera Jepun. Namun, Sekolah Chung Hwa dan Sekolah Jerangau dibuka, setelah ditutup beberapa waktu itu.

Pada mulanya murid suka belajar bahasa Jepun, tetapi tidak lama kerana makin lama minat murid semakin berkurang. Mungkin nilai ekonomi bahasa Jepun kurang waktu itu.

Di Kuala Terengganu, semua sekolah dibuka kecuali Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman yang dijadikan tempat melatih pegawai kerajaan. Di daerah Kemaman, tiga sekolah Cina di Kemasek, Chukai dan di Kuala Kemaman dijadikan kediaman tentera Jepun. Sekolah Binjai pula dibuka tetapi dalam pada itu sekolah ini digunakan sebagai tempat berehat tentera Jepun sebelum mara ke selatan. Semua sekolah mengalami kekurangan alat dan tenaga pengajar.

Kesihatan

Keadaan kesihatan rakyat umumnya buruk, tidak seperti keadaan sebelum kedatangan tentera Jepun. Banyak ubat dan alat di hospital dirampas oleh tentera Jepun, dan dalam masa yang sama tentera Jepun tidak mengambil berat tentang wabak penyakit tropika. Pejabat Kesihatan (Eisei Kyoku) terdapat di setiap daerah, namun keadaannya amat daif. Doktor amat kurang. Hanya terdapat seorang doktor Melayu dan seorang Jepun untuk setiap pusat kesihatan.

Satu perubahan penting berlaku pada awal pemerintahan tentera Jepun iaitu perubahan gelaran Pejabat *Hobatan* yang berkuat kuasa pada 17 Mei 1903. Pejabat *Hobatan* digantikan dengan Pejabat Kesihatan (Eisei Kyoku) dengan Dr. Y. Maeda dilantik sebagai ketuanya. Pada waktu yang sama Dr. K. Hishi dilantik ketua Hospital Kuala Terengganu, Dr. T. Y. Fong, ketua Hospital Kemaman dan Dr. S. Nadarajah ketua Hospital Dungun.

Komunikasi Dan Pengangkutan

Jalan raya dibina antara Chendering dan Balai Buluh dan antara Kemaman dan Kelantan. Di Kuala Ibai jambatan digunakan dengan menggunakan kayu getah. Di Sungai Nerus jambatan yang dibina tidak sempat siap kerana Jepun menyerah kalah.

Berkenaan pengangkutan awam, syarikat-syarikat bas dibenarkan membawa penumpang dari Kuala Terengganu ke Kelantan dan Dungun. Tambangnya lima sen sebatu. Setiap hari bas berlepas dari Kuala Terengganu pada jam sepuluh.

Tentera Jepun juga berusaha menyelamatkan bandar Kuala Terengganu daripada hakisan dengan membina benteng sepanjang 1.6 kilometer antara Kedai Payang ke Padang Maziah. Bahan binaan seperti pasir dan batu

diangkut dari Pulau Duyung. Pasir dari Pulau Duyung ini turut digunakan untuk menimbus tanah berpaya di Pulau Kambing. Di pulau ini perusahaan membuat bot atau perahu besar dijalankan. Tukang-tukang mahirnya terdiri daripada orang-orang Melayu. Kayu yang banyak digunakan ialah kayu getah.

Perkhidmatan Pos

Pejabat pos diadakan di kawasan Kuala Terengganu, pejabat pos terletak di Padang Maziah. Setem hanya digunakan dengan cap *Dai Nippon*. Semua surat, termasuk surat berdaftar, bahan-bahan bercetak dan surat perniagaan hanya akan diperiksa. Jika ada bahan terlarang ia dirampas. Bahan terlarang itu termasuklah bahan:

1. yang ada kaitan dengan pergerakan tentera Jepun;
2. yang menceritakan keadaan kekurangan makanan dan perbuatan khianat kepada perjalanan pemerintahan kerajaan tentera Jepun;
3. yang berkait dengan gerakan menentang pentadbiran kerajaan tentera Jepun;
4. yang boleh mengganggu keamanan dan peraturan kerajaan;
5. yang tidak menyebut nama dan tempat tinggal penerima; dan
6. yang disyaki boleh menyampaikan maklumat kepada pihak musuh.

Surat-surat yang dirampas diserahkan kepada ketua pos dan akan dihantar kepada ketua pos di Syonan.

Agama

Pemerintah tentera Jepun mengambil berat terhadap agama Islam. Buktinya, sekolah-sekolah Arab dan agama tumbuh

dengan pesat. Jepun ingin memenangi hati orang Melayu untuk menjayakan rancangan mereka mewujudkan Lingkungan Kemakmuran Asia Timur Raya. Jepun faham orang Melayu pasti membuat tentangan jika agama mereka tercabar. Semangat keislaman lebih kuat daripada semangat Jepun (Nippon Syesyi). Malah tentera Jepun bertindak menghukum orang-orang Islam yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat tanpa sebab. Dengan inisiatif Jepun juga, pungutan zakat fitrah berjalan dengan baik. Begitu juga halnya dengan pemberian cuti untuk merayakan hari-hari kebesaran Islam.

Sultan diberi kuasa menjaga kepentingan agama dan adat istiadat Melayu. Dalam persidangan Majlis Agama Malaya (Malayan Conference of Religious Councils) di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada 12 Disember 1944, Terengganu diwakili oleh Sheikh Hassan Yammani, Ibrahim Fikri, Haji Ahmad Fuad dan Haji Wan Abdul Rahman Daud. Persidangan berlangsung selama tiga hari.

Urus Niaga

Terengganu mengalami ekonomi yang stabil sebelum kedatangan Jepun. Terengganu waktu itu kaya dengan hasil bijih timah, besi, wolfram, ikan dan hasil pertanian. Tetapi kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an sehingga pemerintahan Jepun menukar keadaan itu. Banyak lombong bijih timah dan kilang memproses getah ditutup atau musnah dalam peperangan. Duit Jepun mula digunakan setahun selepas tentera Jepun memerintah. Duit 'pokok pisang' ini mempunyai nilai \$1,000 berbanding \$1 duit British.

Dalam bidang perlombongan, Jepun mengarahkan pekerja bijih timah, tungsten dan bijih ilmenit menyerahkan

hasil bijih kepada Mitsubishi Shoji Kabushiki Kaisha. Mitsubishi akan membayar kepada pekerja sebanyak 90 peratus dua minggu kemudian. 10 peratus lagi akan dibayar selepas empat minggu. Pejabat Suchiji membuat peraturan tentang pembelian/penyerahan bijih timah ini. Harga belian timah (75 peratus murni) waktu itu ialah 50 yen satu pikul atau 840 yen satu tan. Sebarang pegawai dari Syonan To dihantar untuk mengendalikan urusan jual beli. Bayaran dibuat dengan menggunakan cek Yokohama Pasific Bank, cawangan Kuala Lumpur, Taiping, Ipoh, Seremban dan Kuantan. Harga untuk wolfram untuk 65 peratus murni ialah 1,170 yen setan.

Makanan amat kurang, dan yang ada diimport dari luar negeri. Untuk mengatasi masalah kekurangan ini Jepun mengarahkan lebih banyak tanah dibuka untuk tanaman. Benteng menahan air, terusan dan parit dibina dan baja dan benih dibekalkan. Misalnya biji jagung diberikan percuma dan arahan dikeluarkan untuk menggunakan benih dengan betul. Benih-benih ini dibahagikan kepada orang-orang kampung melalui penghulu, yang akan membuat laporan setelah benih dibahagikan. Penghulu ditugaskan untuk menyelia kegiatan menanam jagung ini.

Tanah juga yang dibuka untuk tanaman padi, ubi kayu dan ubi keledek. Rakyat boleh menyimpan keuntungan yang diperolehinya. Pendek kata tidak ada tanah yang ditinggalkan terbiar. Jika masih ada, tanah itu akan dirampas. Jika kurang benih, rakyat boleh minta melalui penghulu. Jika ada pula yang ingin membuka tanah baru, kerajaan akan memberi tanah percuma tanpa cukai selama tiga tahun. Yang sanggup membina benteng akan diberi wang perbelanjaan secukupnya.

Untuk getah pula, orang ramai menghantar getah mereka ke pejabat kastam yang ditetapkan dalam setiap jajahan mulai 1 Mei 1942 (2602). Harga belian ialah:

1. Getah keping:
 - No. 1-20 sen sepaun ($\frac{1}{4}$ kati)
 - No. 2-19.5 sen
 - No. 3-19 sen
 - No. 4-18 sen
2. Pale (Repe Rubber)
 - Getah Crepe Pucat.
 - No. 1-20-25 sen.
 - No. 2-19-23 sen
3. Latex (Susu getah yang dikeringkan dengan udara)-6 sen

Berkenaan dengan hari-hari dan waktu penerimaan serta perjalanan pembayaran dan kaedah bayaran cukai adalah seperti yang ditetapkan dalam pemberitahu kerajaan Bilangan 17/2602. Kebun getah dikenakan bayaran hasil tanah tetapi kebun yang getahnya tidak ditoreh lagi, bayarannya dikurangkan sebanyak 50 peratus. Untuk mendapatkan potongan ini, pembayar hendaklah menunjukkan surat akuan berhenti menoreh getah (borang berkembar) yang dikeluarkan oleh kerajaan. Cara membayarnya disediakan melalui peraturan yang telah ditentukan. Bagaimanapun, jika kebun getah dimiliki oleh musuh kerajaan maka kerajaan akan melantik seorang penguasa yang dilantik oleh pejabat pentadbiran tentera. Penguasa ini bertanggungjawab kepada jawatankuasa penjaga harta benda musuh bagi seluruh negeri Terengganu.

Orang ramai juga boleh memasak dan menjual tuak dengan syarat mendapat kebenaran daripada Tuan Shuchiji. Penjual tuak hendaklah menjual tuaknya dengan harga 80 sen segelen. Bayaran lesen tuak pula ialah \$100 setahun.

Kerajaan Nippon Terengganu mengadakan jualan loteri (syonan shoken). Loteri dikawal oleh Pejabat Pentadbiran Tentera. Tiket loteri berharga \$1.00. Hadiah pertama

\$100,000, hadiah kedua \$50,000, ketiga \$10,000 (10 tiket), keempat \$1,000 (50 tiket).

Undang-undang pajak gadai juga dikeluarkan oleh pemerintah tentera Jepun. Dalam undang-undang ini, kerajaan menetapkan semua lesen pajak gadai yang tamat tempoh pada 31 Mei 1942 (2602) hendaklah diperbaharui tahun ke tahun.

DITURUNKAN TAKHTA

JEPUN menyerah kalah pada 12 September 1945. Tentera British datang mengambil alih semula pemerintahan Tanah Melayu. Satu pasukan tentera British, pimpinan Leftenan Kolonel D. Headly (pernah memimpin pasukan Force 136 untuk menentang Jepun secara gerila) tiba di negeri Terengganu.

Setelah mendengar berita itu, saya berpakat dengan pembesar-pembesar negeri untuk menyambut ketibaan pasukan itu di Istana Badariah pada jam 9.00 pagi.

Menteri Besar Terengganu, Dato' Jaya Perkasa, turut diberitahu. Namun, sehingga pukul 1.30 tengah hari, Dato' Jaya Perkasa tidak juga tiba-tiba di Istana Telaga Panchur. Tidak lama kemudian, saya menerima panggilan telefon yang menyatakan Tuan Sir mahu berjumpa saya pukul 2.00 petang.

Saya mula rasa tidak sedap. Tambahan pula saya mendapat tahu Dato' Jaya Perkasa telah pun berada bersama-sama pembesar Inggeris itu. Bagaimanapun, tepat pukul 2.00 petang, saya tiba di Istana Maziah (awalnya pertemuan dirancang di Istana Badariah). Di istana, Dato' Jaya Perkasa memberitahu saya bahawa Tuan Sir sedang makan. Mahu tidak mahu, terpaksa saya menunggunya. Tidak lama kemudian, Tuan Sir pun keluar.

'Saya sukacita dapat bertemu Tuan,' ucap saya. Selepas perbualan singkat itu, saya terus dijemput ke tingkat atas

Istana Maziah. Turut bersama ketika itu ialah seorang lagi pegawai Inggeris. Apabila saya bertentang mata dengan Headly, dia lantas bersuara. 'Almarhum Sultan Sulaiman mangkat pada tahun 1942. Ya atau tidak?'

'Ya,' jawab saya.

'Siapakah yang menjadi sultannya?' tanya Headly lagi.

'Sayalah yang jadi sultannya,' jawab saya.

'Saya minta maaf jika terkasar bahasa apabila bercakap dengan tuanku,' kata Headly.

'Tak apalah,' kata saya lagi.

'Pada masa ini barangkali tuanku sudah pun tahu bahawa semua sultan yang menjadi sultan pada masa Jepun, dianggap tidak sah,' jelas Headly.

Saya terkejut mendengar kata-kata Headly. Bagaimanapun, saya cuba mengawal perasaan. Tanpa bercakap sepele pun dengannya, saya bergegas pulang ke Istana Telaga Panchur.

Semalaman saya tidak dapat tidur kerana memikirkan apa yang disebutkan oleh Headly. Dato' Jaya Perkasa juga tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan pandangannya tentang hal itu. Tidak lama selepas itu sekali lagi saya diminta menemui Headly. Dalam perjumpaan kali kedua inilah Headly menyodorkan sepucuk surat lalu meminta saya menandatangani. Surat itu antara lain menyebut saya sebagai Sultan Terengganu menyerahkan negeri Terengganu kepada British.

Walaupun Headly berjanji kedudukan saya sebagai sultan akan disahkan semula, namun saya tetap enggan menandatangani surat itu. Jika saya tandatangi surat itu berarti saya sudah melanggar ketetapan dan sumpah seorang sultan seperti yang tersebut di dalam Undang-undang Diri Kerajaan Terengganu yang diwujudkan sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.

Selepas itu Headly memberitahu bahawa elaun saya

hanya sebanyak \$400 (wang British ketika itu). Dia pun beri saya sepucuk surat lagi fasal elaun ini. Oleh kerana malas melayannya, dan bimbang saya tidak dapat mengawal kemarahan, saya pun tandatangan surat itu. Elaun bulanannya ialah sebanyak \$6,000 dan sebahagian besarnya adalah untuk membayar gaji petugas-petugas di istana di samping elaun saudara-mara saya. Ketika itu, terdapat 40 orang juak istana, yang mula bekerja semasa pemerintahan Almarhum Sultan Sulaiman lagi. Walaupun menghadapi masalah kewangan, tidak ada seorang pun daripada mereka saya berhentikan.

Pada 5 November, seramai 13 orang kerabat diraja dan pembesar Terengganu mengadakan mesyuarat di Istana Maziah. Mesyuarat itu sebenarnya di luar pengetahuan saya. Menurut cerita yang didengar, mesyuarat itu mengambil ketetapan menurunkan saya daripada takhta. Kemudian, pada hari Ahad, 16 Disember 1945, kira-kira jam sembilan pagi, beberapa orang kerabat diraja, menteri-menteri dan Headly sendiri berhimpun di Istana Maziah tanpa pengetahuan saya. Dalam perhimpunan itu, saya diisytiharkan tidak lagi menjadi Sultan Terengganu. Kemudian dimaklumkan kepada seluruh rakyat betapa seorang yang lain telah dipersetujui oleh kerabat diraja dan pembesar negeri sebagai Sultan Terengganu yang baru. Saya tidak rasa apa-apa pun ketika itu. Saya terus tinggal di Istana Telaga Panchur.

Selepas perisytiharan perlucutan takhta saya dibuat, mereka melantik ayahanda saudara saya, Tengku Ismail atau dikenali sebagai Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III. Perlantikan Tengku Ismail dibuat sebaik sahaja saya diisytiharkan tidak sah sebagai sultan.

Saya mengetahui mereka yang mengambil ketetapan terdiri daripada Umar Mahmud, Tengku Hitam, Abdul

Rahman, Muhammad Saleh Ahmad, Abu Bakar Mustafa, Tengku Embong, Abdullah, Abdul Kadir, Abdullah Yunus, Wan Muda Wan Ali, Tengku Hitam Hussein, Muhammad Hashim dan Tengku Wok.

Saya berani mengatakan kesemua mereka ini tidak akan berani 'memaksa' saya turun daripada takhta tanpa adanya sokongan daripada kerabat diraja lain di samping pihak British sendiri. Saya tidak mendendami mereka. Biarlah mereka tanggung sendiri akan apa yang telah mereka lakukan. Saya pun tidak pernah memaafkan mereka (kecuali Tengku Wok) kerana mereka tidak pernah memohon maaf daripada saya selepas itu.

Selepas pemecatan, seluruh rakyat Terengganu menjadi keliru. Ada golongan yang menyokong, dan ada yang tidak. Saya juga mengemukakan banyak rayuan tetapi tidak dilayani. Malah UMNO sendiri gagal memperjuangkan hak saya walaupun tuntutan yang dikemukakan didapati benar.

Semua surat khabar, khususnya *Utusan Melayu* dan *Cermin Malaya* banyak menyiarkan berita mengenai saya. *Cermin Malaya* umpamanya pada keluaran bulan Februari 1948 yang diterbitkan oleh Pejabat Perhubungan Raya, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, telah menulis panjang lebar tentang peristiwa ini.

Soal Sultan Ali, Terengganu

Berkenaan rayuan-rayuan yang telah dikemukakan bagi pihak serta Tengku Ali berkenaan dengan mewarisi takhta kerajaan negeri Terengganu itu, maka ditimbangkan oleh Tuan Setiausaha Negara Bagi Jajahan (British) dan ia telah memerintahkan Gabenor Malayan Union supaya memberi jawab iaitu Tuan Setiausaha Negara Bagi Jajahan tiada nampak ada sebab-sebab yang patut ia campur tangan di dalam perkara itu.

Maka sekarang ini, pihak yang mengadakan keterangan 5 November 1945 itu telah mengeluarkan kenyataan dari Kuala Terengganu seperti di bawah ini, iaitu mengeluarkan bunyi-bunyi ketetapan itu serta perkara-perkara yang berlaku di dalam mesyuarat yang diadakan di Kuala Terengganu pada 5 November 1945 itu.

Kenyataan yang tersebut adalah seperti di bawah ini.

1. Dengan persetujuan orang-orang yang bertandatangan di bawah ini adalah isi ketetapan mesyuarat khas daripada menteri-menteri negeri dan kerabat-kerabat raja serta waris-warisnya berkenaan pilihan Tengku Paduka Raja menjadi Sultan Terengganu iaitu mesyuarat yang telah diadakan di Kuala Terengganu pada 5 November 1945 itu adalah disiarkan bagi pengetahuan am.

2. Orang-orang yang hadir dalam mesyuarat itu yang telah menurunkan tandatangan di atas ketetapan tersebut ialah mengandungi di dalam bilangan mereka kesemuanya daripada orang-orang yang berhak mempunyai suara di atas perkara memilih raja bagi negeri itu dikecualikan tiga orang yang sekarang ini tiada di dalam Terengganu.

3. Apabila telah diambil keputusan bahawa tiada kelayakan Tengku Ali dan hendaklah ia berhenti daripada memegang jawatan sultan itu, maka mesyuarat itu telah menimbangkan waris-waris Sultan Zainal Abidin yang layak menurut Undang-undang Tubuh Negeri iaitu termasuklah putera-putera Sultan Sulaiman iaitu saudara-saudara lelaki kepada Tengku Ali. Maka dengan sebulat suara telah diputuskan bahawa Tengku Paduka Raja ialah orang yang sehabis-habis layak bagi memimpin negeri dan rakyat dengan sepenuh-penuh kebajikan kepada mereka.

4. Kami yang bertandatangan di bawah ini memasyhurkan bahawa keputusan yang tersebut itu telah didapati daripada

rundingan yang tiada memandang kepada faedah diri dan tiadalah keputusan itu dipengaruhi oleh Kerajaan British ataupun oleh pentadbiran Tentera British. Dan lagi kami masyhurkan bahawa pada pendapat kami adalah perlantikan Tengku Paduka Raja menjadi sultan itu telah dijalankan dengan halal dan betul menurut undang-undang dan adat istiadat negeri sebagaimana yang telah sedia diakui.

Di bawah ini ialah salinan ketetapan yang telah diluluskan oleh mesyuarat khas pada 5 November 1945.

Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu telah bersidang kerana menimbangkan pilihan sultan bagi negeri Terengganu. Menurut keputusan yang bertandatangan di bawah ini dengan sebab-sebab beberapa kejadian yang telah berlaku yang terbit daripada perbuatan Sultan Ali, maka adalah ditimbangkan bahawa ia bukanlah orang yang layak supaya kekal menjadi sultan dan adalah ia dipecat daripada memegang jawatan itu.

Oleh kerana mustahak dipilih kerana jawatan Sultan Terengganu itu seorang yang boleh memimpin negeri ini serta rakyatnya dengan sepenuh-penuh kebajikan dengan betul, maka kami bersetuju memilih menjadi sultan negeri iaitu ayahanda saudaranya, Tengku Paduka Raja (Tengku Ismail) putera Almarhum Sultan Zainal Abidin.

Bagi menyaksikan yang tersebut adalah kami yang turunkan tandatangan kami masing-masing ialah Umar bin Mahmud, Tengku Hitam, Abdul Rahman, Muhammad Saleh bin Ahmad, Abu Bakar bin Mustafa, Tengku Embong, Abdullah, Abdul Kadir, Abdullah bin Yunus, Wan Muda bin Wan Ali, Tengku Hitam Hussein, Muhammad Hashim, Tengku Wok.

Istana Maziah, Kuala Terengganu.

13 Januari 1948.

Saya ini pernah menjadi Sultan Terengganu. Ada cap mohor saya. Ada surat perlantikan yang saya buat ke atas pembesar-pembesar saya. Dahulu dokumen-dokumen ini

dikatakan hilang, tapi dengan izin Allah sebahagian daripadanya ditemui semula.

Setelah saya dijatuhkan, beberapa orang daripada 13 orang pembesar tadi meninggal dunia di dalam keadaan yang 'agak aneh' serta menderita pelbagai jenis penyakit yang menghairankan.

Saya sultan yang sah, tetapi penurunan saya memang tidak sah. Kerabat-kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri (jemaah menteri) yang menurunkan saya telah terpedaya dengan permainan politik British. Saya memang tidak sukakan British, walaupun saya pernah belajar di Oxford. Saya diturunkan daripada takhta semata-mata kerana saya enggan menandatangani surat penyerahan kuasa mutlak Kerajaan Negeri Terengganu ketika itu (1945) kepada pentadbir British. Itu saja. Tentu saudara-saudara mahu tahu kenapa saya tidak sains (menandatangani) surat itu?

Sebabnya satu sahaja. Sumpah seorang raja dan ketua agama Islam yang memegang takhta Terengganu di dalam Undang-undang Diri Kerajaan Terengganu di bawah Fasal 14 amat jelas maksudnya. Fasal 14 itu berbunyi:

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepaskan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau haknya itu atau pada kuasa-kuasa Eropah atau lainnya.

Maka jikalau Raja cuba lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkan akan dia memecahkan amanat yang diletakkan ke atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tidaklah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia, haruslah diturunkan kuasa mutlak negeri kepada British pula yang dijatuhkan.

Saya bukannya hendak mendabik dada; hendak ber-

cakap benda tidak tentu fasal. Semua ini dicatat dalam buku sejarah. Tengok fasal penentangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union. Bila tu? Bila pula saya tidak hendak sain surat orang putih? Tahun 1945! Ini bermakna saya lebih dahulu daripada penentang-penentang Malayan Union. Saya tidaklah mahu sebut fasal raja-raja Melayu yang lainnya ketika itu, yang tandatangan fasal hendak terus jadi raja walaupun negeri sendiri tergadai kepada orang putih.

Saya juga sengaja mendiamkan perkara ini selama hampir 50 tahun semata-mata tidak mahu ada pihak lain yang tersinggung. Saya mahu pemalsuan sejarah itu dibetulkan. Malangnya, semakin ramai anak Terengganu yang bergelar bijak pandai dan Dato membuat pembohongan terhadap kesahihan saya sebagai Sultan Terengganu yang ke-14.

Di sini saya ingin menarik perhatian semua. Hampir 10 atau 30 tahun lalu, saya sebenarnya tidak suka cerita mengenai perkara ini diungkit-ungkit, malah saya amat marah sekiranya ada anak-anak saya yang cuba menimbulkannya. Ada juga yang mahu saya menuntut semula takhta, tetapi saya melarangnya kerana saya tidak mahu hidup mereka tertekan. Cukuplah dengan penderitaan yang saya alami. Saya tidak mahu ia melarat kepada anak-anak yang tidak berdosa. Dalam pada itu, ingin dijelaskan bahawa Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang mula diwujudkan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III itu jugalah yang menjadi asas kepada Undang-undang Negeri yang sedia ada sekarang.

Walau bagaimanapun, saya berasa hairan kerana beberapa peruntukan atau fasal tertentu dalam undang-undang tersebut khususnya berhubung hak dan elaun seseorang bekas raja itu tidak dilaksanakan. Sepatutnya saya tidak perlu mengemis untuk mendapatkan rumah kerana kediaman seumpama itu sememangnya telah termaktub da-

lam undang-undang negeri ini. Bukan sahaja apa yang patut saya terima itu telah dinafikan sekian lama, bahkan saya dipermain-mainkan pula, seperti barang yang tiada harga.

Walaupun saya pernah menjadi Sultan Terengganu tetapi mungkin ramai di kalangan generasi muda yang tidak mengenali saya apatah lagi untuk bersua muka. Malah generasi yang seangkatan dengan saya juga mungkin tidak mengetahui dengan sahik akan punca sebenar kejatuhan saya sebagai seorang sultan. Dalam konteks yang sama pun mungkin banyak pihak di negeri Terengganu masih diselubungi perasaan takut dan serba salah untuk bercerita secara terbuka. Ini jugalah di antara citra peribadi orang-orang Terengganu—takut tidak bersebab, berani tidak bertempat. Malah dalam pada itu ada juga orang mengemukakan pertanyaan kenapa isu kesultanan baru ditimbulkan? Dalam hal ini, saya mempunyai jawapan yang tersendiri.

Dua tiga tahun selepas saya diturunkan takhta, memang ada usaha untuk mengembalikan hak saya sebagai sultan. Begitu jugalah sekitar tahun lima puluhan. Pada masa itu pihak British begitu berkuasa. Kerabat-kerabat diraja, Ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri dan pembesar-pembesar negeri pun tidak menyebelahi saya. Mereka takut. Saya juga takut walaupun mahkota dan takhta itu sememangnya hak saya.

Sultan Terengganu pada masa itu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah, iaitu ayahanda saudara saya dan bonda saya, Tengku Ampuan Maryam, meminta saya banyak bersabar dan menganggap kejatuhan saya sebagai suratan takdir Ilahi. Seorang lagi ayahanda saudara saya, Sultan Muhammad Shah II (Sultan Terengganu ke-12) juga menasihatkan saya. Katanya, undang-undang sudah banyak berubah. Jadi, tidak payahlah saya tuntutan takhta, katanya.

Pada masa itu juga, pihak British telah menggunakan

para pembesar negeri untuk menjatuhkan saya. Pembesar-pembesar ini memperlakukan imam, bilal, juak dan hulubalang raja. Mereka semua berusaha mendapatkan cap jari daripada rakyat negeri Terengganu. Masjid dan surau digunakan untuk memberi penerangan dan mempengaruhi rakyat memberikan cap jari mereka. Para juak dan hulubalang raja begitu sibuk masuk kampung dan keluar kampung untuk berkempen dan mengutip cap jari.

Rakyat diberitahu bahawa cap jari tersebut adalah sebagai bukti permohonan mereka untuk mendapatkan tanah kerajaan dan juga kain pelekat. Kebetulan pula pada masa itu semua orang mahukan tanah. Kain pelekat yang dijanjikan pula daripada jenama yang baik-baik belaka—dari India dan negara lain. Ada juga yang memberitahu bahawa cap jari itu digunakan untuk menubuhkan Persatuan Melayu Terengganu. Dan akhirnya, cap jari itulah yang digunakan sebagai bukti rakyat mahukan saya diturunkan dari takhta.

Macam-macam cerita buruk tentang diri saya disebar-kan ketika itu. Tetapi, walaupun semasa kejadian itu umur saya baru 32 tahun, alhamdulillah saya masih mampu bersabar. Semuanya hasil nasihat bonda saya. Jadi sekarang, kita tahu siapa yang menipu dan yang tertipu. Oleh itu bolehkah sejarah sebenar ditipu, sedangkan saya masih hidup?

Pada masa itu juga, akhbar *Utusan Melayu* keluaran 16 Disember 1947 telah menyorot kembali kisah cap jari ini. Tulisan wartawan *Utusan Melayu*, Zabha, yang berjudul 'Di Sekitar Cap Jari' cukup menarik untuk saya paparkan di sini. Laporan itu menyebut:

Daripada penyelidikan saya dengan golongan bawah dan disahkan oleh golongan atas, maka nama alim ulama yang berkait dalam sebut-sebutan perkara cap jari ialah Tok Engku

Syed Sagaf, seorang ulama yang berpengaruh lagi dihormati oleh sebahagian besar rakyat Terengganu. Daripada risik itu juga, saya dapat faham perkara mengambil cap jari orang-orang kampung itu sebenarnya ada berlaku tetapi pada mulanya semata-mata bertujuan kerana hendak mendirikan Persatuan Melayu Terengganu dan tidak sama sekali kenamengena dengan perkara hendak menurun dan melantik Sultan Terengganu. Saya telah difahamkan juga entah macam mana ceteranya cap jari itulah juga telah digunakan sebagai pengakuan rakyat reda dan bersetuju melantik Sultan Ismail menjadi Sultan Terengganu.

Walaupun laporan wartawan *Utusan Melayu* itu sudah berusia lebih 45 tahun, namun setakat yang saya tahu belum ada mana-mana buku atau ahli-ahli sejarah, termasuk Allahyarham Salleh Awang, yang berani menyebut fakta ini dengan jelas, apalagi untuk menolak kesahihannya bila mana memperkatakan tentang punca atau proses kejatuhan saya. Apa yang ada hanyalah, Salleh yang disebut sebagai pakar sejarah, menutup langsung cerita tentang saya sehingga di dalam bukunya, Allahyarham menafikan saya ini anak Sultan Sulaiman dan pernah menjadi Sultan Terengganu.

Berdasarkan laporan itu (kalau ia boleh dijadikan asas), maka tindakan 13 orang pembesar Terengganu yang bermesyuarat di Istana Maziah pada 5 November 1945 untuk mengambil keputusan menurunkan saya dari takhta bukan sahaja tidak sah di sisi Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu 1911, bahkan tidak kukuh. Jadi, untuk mengukuh dan menghalalkan tercabutnya mahkota saya tadi, maka cap jari atau tandatangan kosong itu tadilah yang disalahgunakan (sebenarnya disalahkan). Bukti kedua pula ialah berhubung penubuhan Persatuan Melayu Terengganu. Walaupun Headly yang amat berpengaruh itu

dikatakan ada meminta Menteri Besar, Dato' Jaya Perkasa menyegerakan penubuhan persatuan berkenaan, namun ia tidak dilakukan. Ini menunjukkan cap jari atau tandatangan kosong tadi memang pada awalnya lagi bermotifkan untuk menjatuhkan saya. Sebenarnya, tidak ada apa-apa yang agak sensitif berhubung dengan fakta ini. Yang penting ialah maklumat sebenar telah disembunyikan selama ini.

Dalam hal ini, saya juga ada membaca kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar *Berita Harian* keluaran 20 Ogos 1992. Menurut Datuk Megat Junid, penulis harus memperbaiki tulisan mereka, khususnya mengenai sejarah yang menyentuh sistem kesultanan kerana hanya segelintir rakyat yang benar-benar mengetahui sejarah kesultanan negara ini.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, dua tiga tahun selepas penurunan saya daripada takhta kesultanan Terengganu, memang ada usaha-usaha untuk mengembalikan hak saya. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan satu-satunya parti politik ketika itu yang bersungguh-sungguh memperjuangkan hak saya. Salah seorang pemimpinnya, Mokhtar Rahim (kini menantu saya), bersama tiga lagi pemimpin PKMM negeri, iaitu Abu Md. Amin (Pak Su Kor), Che Da Abdul Jalil, Haji Awang dan Che Muda Kassim pernah membawa isu ini ke dalam kongres parti berkenaan. Masa itu Malayan Union sudah pun dibubarkan. Jadi, pihak PKMM menuntut Kerajaan British mengesahkan semula kedudukan saya. Oleh kerana PKMM dicap sebagai parti berhaluan kiri, maka tuntutan itu walaupun mendapat sokongan rakyat tetap tidak dihiraukan.

Dalam hal ini, Mokhtar juga pernah menceritakan kepada saya yang Ibrahim Fikri (bekas Menteri Besar) pernah menghadap bonda saya, Tengku Ampuan Maryam,

untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membiayai tambang bas orang-orang Melayu dari seluruh negeri yang mahu dikumpulkan di Padang Maziah. Tujuan perhimpunan itu bagi membolehkan pemimpin-pemimpin Melayu yang bersimpati dengan saya membasuh semula penipuan penggunaan cap jari atau tandatangan kosong itu. Malangnya Tengku Ampuan, bonda saya, dikatakan keberatan mengeluarkan sedikit belanja yang dipohon oleh Ibrahim Fikri tadi. Kebetulan, pada masa itu agak sukar untuk mengumpul rakyat Terengganu dari Besut, Ulu Terengganu ataupun Kemaman dan duit pula susah dapat. Dengan demikian, perhimpunan itu tidak menjadi kenyataan. Kalau perhimpunan raksasa itu menjadi kenyataan, ditambah pula dengan semangat membuak anti-British, saya rasa cerita tentang diri atau kedudukan saya akan terbalik.

Saya juga difahamkan PKMM bukan sahaja menentang Malayan Union sebelumnya, bahkan menolak terus gagasan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu tajaan British. Jadi, parti itu yakin penurunan saya daripada takhta sebagai tidak sah. Saya ingin mengutip kenyataan Pengerusi PKMM Terengganu, Che Da Jalil, sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar *Utusan Melayu* keluaran 12 Disember 1947 yang secara terang-terangan menjelaskan pendirian parti berkenaan terhadap isu saya. Zabha memetik kata Che Da yang berbunyi: 'Kerajaan British tidak berhak campur tangan soal ini. Kalau ia berkata kelantikan sultan itu tidak sah dan sultan ini tidak sah, itu adalah kata-katanya sahaja. Kami tidak suka lagi rakyat jelata dipermainkan begitu. PKMM Terengganu ditubuhkan untuk memberi kesedaran dan memperkenalkan kewajipan dan tanggungan masing-masing kepada rakyat jelata seluruhnya.'

Walaupun itulah perjuangan parti politik berkenaan, tetapi saya sebenarnya memang tidak campur politik.

Malah saya sendiri pun tidak mengetahui dengan jelas penglibatan orang-orang politik untuk membela kedudukan saya 30 atau 40 tahun yang lalu. Saya hanya mengetahuinya sekarang setelah membelek-belek akhbar lama atau menerusi perbualan dengan menantu saya, Mokhtar. Selain itu, pada sekitar tahun 1958, Setiausaha Agung UMNO yang pertama, Datuk Panglima Bukit Gantang pernah cuba memperjuangkan kes kesultanan ini.

Saya bayar \$2,000 kepadanya, tetapi selepas itu, kes tersebut senyap begitu sahaja. Tidak tahulah saya sama ada kes itu benar-benar telah difailkannya ataupun tidak. Duit sebanyak \$2,000 itu tidak saya perolehi semula. Tidak usahkan masa senang, masa saya susah pun terkena juga. Saya bukannya suka sangat menuntut-nuntut ini, tambahan pula ia melibatkan saudara-mara saya. Sudah tua-tua begini, saya pun tidak lagi berangan-angan untuk menjadi sultan.

Lebih tiga puluh tahun setelah saya dijatuhkan, iaitu pada 1981, saya amat terkejut apabila ada pihak tertentu mengeluarkan sebuah buku pertabalan Sultan Mahmud (sultan sekarang). Dalam buku berkenaan nama saya tidak ditulis langsung dalam senarai sultan-sultan Terengganu. Setelah saya dan anak saya Halim menyiasat barulah kami mengetahui perbuatan menghilangkan nama saya itu dilakukan oleh beberapa orang pegawai tinggi kerajaan dan seorang yang digelar tokoh sejarah negeri Terengganu. Jadi tidak hairanlah orang itu diberi gelaran Dato' dan dilantik pula menjadi salah seorang Ahli Jemaah Pangkuan Negeri. Selepas itu anak saya Halim membawa kes berkenaan di mahkamah dan akhirnya ia diselesaikan di luar mahkamah.

BOLEHKAH SEJARAH DIPADAMKAN?

BOLEHKAH sejarah dipadamkan begitu sahaja padahal ia benar-benar telah berlaku? Inilah persoalan yang bermain dalam kepala saya sekarang. Sejarah tentang diri saya sebagai seorang sultan hampir 50 tahun lalu memang benar berlaku.

Menurut sejarah kesultanan Terengganu, ia bermula dengan penabalan Sultan Zainal Abidin I sebagai sultan yang pertama. Selepas itu Terengganu diperintah oleh sultan-sultan yang berasal daripada keturunan baginda. Menurut catatan sejarah, terdapat enam belas orang sultan yang memerintah negeri Terengganu sehingga kini. Selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin I (1725-33), baginda digantikan oleh Sultan Mansur Shah II (1733-93), Sultan Zainal Abidin II (1793-1808), Sultan Abdul Rahman (1830-31), Sultan Daud (1813), Sultan Mansur Shah II (1831-36), Sultan Muhammad Shah I (1836-39), Sultan Umar (1839-76), dan Sultan Ahmad Shah II (1876-81).

Kemudian, selepas kemangkatan Sultan Ahmad Shah II, baginda digantikan oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1919), Sultan Muhammad Shah II (1919-20), Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920-42), Sultan Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah (1942-45), Sultan Ismail Nasiruddin Shah (1945-79) dan sultan yang memerintah negeri Terengganu kini, iaitu Sultan Mahmud ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Bagaimanapun, dengan terbitnya dua buah buku rasmi oleh Kerajaan negeri Terengganu sempena Pertabalan Sultan Mahmud ibni Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada 21 Mac 1981 dan buku *Pameran Sultan Terengganu* pada 17-24 Mac 1981, ternyata fakta sejarah tentang salasilah kesultanan itu telah dipesongkan. Buku itu dengan jelas tidak memperakui wujudnya sultan dan ketua agama dalam negeri Terengganu pada tahun 1942 hingga 1945.

Dua buah buku itu tidak menunjukkan pengganti sultan setelah mangkatnya Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada 25 September 1942. Seolah-olah selepas kemangkatan Sultan Sulaiman, almarhum terus diganti dengan Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Padahal, saya telah ditabal menjadi sultan selepas kemangkatan almarhum. Antara lain buku pertabalan pada halaman 57, perenggan 5 itu menyebutkan:

Selepas kemangkatan baginda, putera baginda, Sultan Muhammad menaiki takhta pula. Tetapi di dalam masa setahun lapan bulan sahaja baginda turun takhta dalam tahun 1920 M, dan diganti dengan adinda baginda Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan Terengganu yang ke-14. Baginda sempat memerintah lebih kurang 22 tahun dan mangkat pada 25.9.1942. Di dalam pemerintahan baginda telah berlaku Peperangan Dunia yang Kedua dan negeri Terengganu jatuh di bawah takluk Jepun selama 3 tahun 4 bulan. Pada 16.12.1945 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah telah menaiki takhta kerajaan, menjadi Sultan dan Yang Dipertuan bagi negeri Terengganu dan jajahan takluknya dan ditabal dan dimahkotakan pada 6.6.1949. . . .

Memang jelas buku keluaran rasmi kerajaan negeri tidak menyebut nama saya sebagai Sultan Terengganu antara tahun 1942-45. Namun begitu, beberapa buah buku sejarah

dan kertas kerja sejarah lain telah menyebut dan mengesahkan tentang kewujudan Sultan Terengganu yang memerintah pada tempoh itu. Buku-buku itu ialah:

1. Shaharil Talib, *After Its Own Image: The Terengganu Experience 1881-1941*, Oxford University Press, New York, 1984.
2. Haji Buyung Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
3. Profesor Madya Wan Hussein Azmi, 'Terengganu Dalam Pemerintahan Dinasti Sultan Zainal Abidin I, Abad Ke-19 M-Sekarang', kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu anjuran Yayasan Islam di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 17-18 Mei 1981, hal. 73.

Saya kurang pasti tujuan di sebalik pemesongan fakta sejarah ini. Melihatkan pemesongan itu, saya berkali-kali cuba menyedarkan semua pembesar negeri menerusi surat, tetapi tidak ada jawapan dari mereka. Justeru itu, saya telah mengambil keputusan menyembahkan surat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang bertanggungjawab tentang sejarah kesultanan negeri Terengganu. Surat itu saya hantar melalui Setiausaha Sulit baginda, Dato' Mohd Azhar bin Othman sebanyak dua kali. Tetapi, sebagai seorang anak Terengganu jati, saya berasa tersangat hampa kerana tiada jawapan diberi oleh Tuanku sebagai seorang sultan dan ketua agama Islam yang saya sangka seorang pemerintah yang adil dan berdaulat.

Saya bukan bermaksud untuk memporak-perandakan rakyat negeri ini, tetapi untuk menyedarkan generasi baru bahawa pada masa Terengganu diperintah Jepun, memang wujud seorang sultan dan ketua agama Islam dalam negeri Terengganu. Menafikan kewujudan seorang sultan di Terengganu pada waktu itu bermakna menipu semua orang.

Persoalan yang saya timbulkan kepada pembesar-pembesar negeri dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu selaku ketua agama Islam negeri Terengganu melalui surat ialah tentang wujud atau tidak seorang sultan selaku ketua agama Islam di dalam negeri Terengganu pada tahun 1942 hingga 1945 (selama tiga tahun empat bulan). Sekiranya wujud, siapakah sultan dan ketua agama Islam dalam negeri Terengganu yang menjalankan pentadbiran hukum-hukum syarak, mewakili umat Islam yang beragama Islam dalam negeri Terengganu semasa pemerintahan Jepun? Jika tidak wujud, siapakah orangnya yang memegang dan menjalankan pentadbiran hukum-hukum syarak bagi mewakili umat Islam di Terengganu?

Saya tidak menghalang Kerajaan Terengganu untuk memperakui bahawa negeri Terengganu tidak bersultan pada tahun 1942 hingga 1945. Yang saya persoalkan ialah sudahlah zuriat hak Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dikhianati, sejarah kesultanan negeri Terengganu pula hendak diubah suai.

Schubungan dengan itu, Tengku Abdul Halim, putera saya, berasa cukup terhina di atas permainan ahli-ahli sejarah yang dengan sengaja tidak menyebut nama ayahandanya sebagai salah seorang daripada Sultan Terengganu. Mereka dengan jelas mempersendakan maruah saya.

Tengku Halim telah beberapa kali membawa perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk Menteri Besar, YAB Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad. Namun semuanya mendiamkan diri.

Persoalan yang dibangkit oleh Tengku Halim dalam suratnya bukan mengenai kedudukan takhta ayahandanya, tetapi tentang percanggahan yang berlaku di dalam buku pertabalan sultan yang tidak memperakui wujudnya sultan dan ketua agama dalam negeri Terengganu pada tahun 1942-45. Beliau telah beberapa kali menulis surat dan

membuat bantahan kepada pihak-pihak lain untuk menyelesaikan kes ini, tetapi tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Beliau turut mengirim surat kepada Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memintanya campur tangan kes ini. Bagaimanapun, YAB Perdana Menteri dalam surat balasannya bertarikh 4 Ogos 1982 menjawab: '... tidaklah dapat menolong tuan dalam perkara itu, memandangkan perkara itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang tidaklah wajar dicampuri. Walau bagaimanapun perkara itu ada disampaikan kepada pihak yang berkuasa Kerajaan Terengganu untuk makluman jua adanya.'

SUARA HATI BEKAS SULTAN

Dahulu Sultan Sekarang Pembawa Kereta Sapu

SUDAH jatuh ditimpa tangga. Demikianlah kata pepatah orang Melayu. Sebaik sahaja tidak menjadi sultan, kehidupan saya berubah—dahulu hidup dengan kemuliaan di istana, sekarang merempat tanpa haluan. Saya semakin belajar mengenal diri.

Walaupun tidak lagi menjadi sultan, saya masih menetap di Istana Panchur sehingga tahun 1951. Istana ini sudah tidak ada lagi. Di tapaknya, telah didirikan panggung Cathay. Istana Panchur sebenarnya merupakan istana kediaman saya semasa berada di atas takhta. Bagaimanapun, untuk adat istiadat rasmi, Istana Kolam digunakan. Istana ini juga telah dirobohkan.

Pada zaman pemerintahan Jepun, Istana Badariah dijadikan pejabat tentera Jepun. Istana Badariah didirikan pada 22 Januari 1940 oleh almarhum ayahanda saya, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Bagaimanapun, ayahanda tidak sempat menggunakannya kerana mangkat pada 25 September 1942. Walaupun demikian, jenazah almarhum diusung dari Istana Badariah ini ke permakaman.

Kemudian, semasa Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah menjadi sultan, Istana Badariah dijadikan tempat persemayaman rasmi almarhum. Sekarang, Istana Badariah menjadi tempat persemayaman rasmi Sultan Mahmud pula.

Saya keluar dari Istana Panchur pada tahun 1951, dan menetap di rumah sendiri. Beberapa tahun kemudian, saya terpaksa menjual rumah itu kerana masalah kewangan.

Saya menetap pula di Istana Kolam (sekarang sudah dirobohkan oleh kerajaan negeri). Waktu itu, bonda saya ada. Saya juga pernah menetap di rumah peranginan almarhum bonda di Kuala Ibai, tetapi rumah itu digadai sebab bonda ada masalah.

Selama tidak lagi menjadi sultan, saya ada menerima elaun bulanan sebagai bekas sultan sebanyak \$6,000. Bagaimanapun, pihak Inggeris memaksa saya menerima elaun sebanyak \$400 sebulan. Dengan elaun ini saya terpaksa juga memikirkan belanja hidup 40 orang juak istana seperti pemain rodat, dan saudara-mara saya turut tinggal di istana. Elaun sebanyak itu memanglah tidak mencukupi.

Untuk menampung kehidupan, saya terpaksa menjual salah sebuah kereta peninggalan Almarhum Sultan Sulaiman. Kereta *Vauxhall* 'two seater' saya jual dengan harga \$4,000. Dengan duit itulah saya membayar gaji juak-juak istana, serta bantuan kepada adik-beradik serta saudara-mara saya, termasuk bonda saya, Almarhumah Tengku Ampuan Mariam.

Walaupun hidup saya miskin, tetapi saya tidak pernah mendapatkan pertolongan istana. Semasa almarhum bonda masih hidup, saya pernah dimintanya pergi menghadap sultan di Istana Badariah untuk meminta bantuan, tetapi saya tidak memenuhi permintaannya. Sehingga hari ini pun hati saya belum tergerak untuk berbuat demikian.

Untuk membesarkan anak-anak, saya pernah membawa kereta sapu. Saya bawa kereta sapu dari Kuala Terengganu ke Kuantan, Pahang dan sehingga ke Singapura, kalau tidak silap, sekitar tahun enam puluhan. Pernah pada satu ketika DYMM Sultan Pahang mengeluarkan perintah supaya saya 'ditangkap'. Saya tidak menyalahkan perintah

DYMM Sultan Pahang itu. Almarhum bonda saya memang berasal daripada kerabat diraja Pahang. Tetapi kadang kala drebar kereta sapu lebih bijak daripada drebar teksi. Lalu saya dapat melepaskan diri daripada ditangkap.

Bagi saya, tidak ada aibnya seorang bekas sultan mengangkut penumpang dengan menggunakan sebuah kereta sapu. Rezeki yang diperoleh tetap halal. Lagipun, dengan menjadi pemandu kereta sapu, setiap masa saya dapat melihat perkembangan dan kemajuan negeri Terengganu, yang pernah saya perintah selama tiga tahun empat bulan.

Selain menjadi pemandu kereta sapu, saya juga bekerja sebagai tauke wayang bergerak, dari pekan ke pekan di seluruh negeri Terengganu bersama-sama anak sulung saya, Tengku Abdul Halim. Dia main di panggung Sultanah. Saya kadang-kadang masih di panggung Batu Dua Puluh, Ajil, Hulu Terengganu.

Pernah pada satu hari saya mendapat pungutan sebanyak \$5,000 melalui tiga pertunjukan. Filem yang ditayangkan pada hari itu ialah filem Hindustan yang berjudul 'Dur Badaan'. Walaupun pendapatan yang diperolehi banyak, tetapi saya tidak ambil satu sen pun daripadanya. Kesemuanya saya serahkan kepada Tengku Abdul Halim yang juga bergelar tauke wayang pada ketika itu.

Selain menjadi drebar kereta sapu dan main wayang ini, tidak ada pekerjaan lain yang saya lakukan untuk menyara keluarga pada ketika itu. Saya juga tidak pernah menerima sebarang kurniaan, baik yang berbentuk tanah mahupun kawasan balak sesudah turun daripada takhta. Atas alasan itulah, semasa saya menjadi sultan, tidak ada tanah, hutan atau harta-harta lain yang saya bolot melalui kedudukan atau kuasa yang ada pada diri saya pada ketika itu.

Pada saya, apabila kita susah, jangan sekali-kali kita tunjukkan kesusahan itu kepada orang lain. Biarlah kesusahan itu kita tanggung sendiri anak-beranak. Begitu juga-

lah apabila kita senang. Jangan sekali-kali merampas kesenangan orang lain sehingga orang itu pula menjadi susah. Dan yang paling penting, jangan memakan harta anak-anak yatim. Doa orang yang dizalimi dan doa anak yatim itu dimakbulkan Tuhan.

Sesudah jatuh miskin, saya sering berpindah-randah bagi menghabiskan sisa-sisa hidup ini. Selepas empat belas kali berpindah-randah, pada tahun 1986, saya menumpang hidup di sebuah rumah buruk di belakang rumah menantu saya di Jalan Haji Da, Kuala Terengganu. Rumah ini kecil saja. Dan kini, untuk menghabiskan sisa-sisa hidup, saya hanya menumpang di rumah anak-anak di Kuala Terengganu, Marang dan kadang kala di Kemaman.

Untuk meneruskan hidup, saya hanya mendapat pencen sebanyak \$750 sebulan iaitu pencen kerabat diraja. Kemudian Almarhum Sultan Ismail (ayahanda saudara saya) menambah \$350 sebulan. Ini namanya kurnia (sebagai putera sultan). Jadi, dapatlah saya \$1,100 sebulan.

Selain pendapatan tetap itu, saya mempunyai beberapa sumber pendapatan lain termasuk wakaf daripada emak-emak saudara saya, tetapi hak itu bukanlah pencen. Semenjak saya turun takhta, tidak ada orang yang ingin mendampingi diri ini kecuali anak-anak dan cucu-cucu saya. Mereka ialah Tengku Abdul Halim (anak sulung saya), Tengku Puteri, Tengku Hasmah, Tengku Badli Shah, Tengku Maleha, Tengku Jaafar, Tengku Mohd. Muhidin dan Tengku Noraini. Manakala isteri-isteri pula isteri pertama ialah Fatimah, kedua Tuan Nik Aminah binti Syed Abdullah, ketiga Tengku Ainol Jamal Almarhum Sultan Abu Bakar (kanda Sultan Pahang sekarang) dan kini Tengku Rokiah.

Sewaktu saya menjadi sultan, isteri saya ialah Tengku Ainol Jamal Almarhum Sultan Abu Bakar (bergelar Tengku Ampuan Ainol Jamal). Hasil perkongsian hidup bersamanya, saya dikurniakan tiga orang anak. Mereka ialah

Tengku Besar, Tengku Afzam dan Tengku Dato' Iskandar. Kami bercerai selepas saya tidak lagi bergelar sultan.

Bekas Sultan Yang Malang

Sejak kebelakangan ini, bila bulan mengambang, tanpa saya sedari air mata saya gugur. Sudah hampir lima puluh tahun saya menahan perasaan ini. Tidak usahkan harta, jauh sekali takhta. Tidak usahkan rumah, jauh sekali sebuah istana. Semuanya kini tidak saya miliki.

Mungkin saya tidak wajar diberikan pekerjaan sebagai tukang sapu atau juak-juak di Istana Badariah itu, tetapi anak-anak saya kan boleh. Saya akui, saya tidak memberi pelajaran secukupnya kepada sebelas orang anak saya, tetapi mereka masih berkudrat untuk bekerja.

Alhamdulillah, anak-anak yang masih tinggal di Terengganu ini masih memuliakan saya. Secara bergilir-gilir, mereka mengizinkan saya menumpang di rumah masing-masing. Sakit pening saya, mereka sahajalah yang uruskan. Mereka pun susah juga. Sebab itulah apabila bulan mengambang, air mata saya sentiasa menitis kerana mengenangkan hal-hal ini. Barangkali sayalah satu-satunya bekas seorang sultan yang paling malang di dunia ini.

Apa yang saya mahukan ialah sebuah rumah yang sempurna sebagai tempat kediaman dan juga bayaran elaun seumur hidup yang ditahan sejak tahun 1945 dahulu. Sudah banyak kali saya dijanjikan sebuah rumah kerajaan. Sudah berpuluh kali saya menerima jawapan *insya-Allah* apabila saya bangkit janji itu pada pihak-pihak yang berkenaan.

Sebagai cucunda kepada Almarhum Sultan Zainal Abidin III, iaitu ayahanda kepada Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, saya berhak menerima segala elaun atau apa juga kemudahan lain. Ini memang termak-

tub di dalam Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu yang diwujudkan semasa pemerintahan Almarhum Sultan Zainal Abidin III. Bagi saya, kalau pendatang haram Vietnam boleh diberikan Pulau Bidong sebagai tempat tumpangan sementara mereka, masakan sebuah rumah kecil untuk saya tidak mampu disediakan. Saya tidak perlukan sebuah rumah besar, kerana saya bukannya hendak menopang dunia. Esok lusa, kalau saya ditakdirkan pendek umur, ambillah balik rumah itu.

Anak-anak saya juga berhak menerima apa yang sepatutnya diterima berdasarkan undang-undang yang sama itu tadi. Tetapi ada orang kata perlantikan saya sebagai Sultan Terengganu tidak sah. Tidak sah macam mana? Bukankah yang melantik saya dahulu terdiri daripada Ahli Jemaah Pangkuan Negeri. Saya putera sulung Almarhum Sultan Sulaiman. Almarhum juga yang melantik Ahli Jemaah Pangkuan itu. Selepas saya diisytiharkan sebagai Sultan Terengganu, saya juga mengiktiraf kedudukan mereka. Apa lagi yang tidak sah?

Semasa menjadi sultan, orang kata saya memerintah dengan zalim. Betul ke? Zalim macam mana? Menyeksa rakyat? Rampas harta benda rakyat? Kerabat dan peluk anak dara orang? Macam tu?

Saya dituduh zalim. Saya difitnah. Tuduhan dan fitnah itulah yang ditulis di dalam sebuah dua buku sejarah tentang negeri Terengganu ini. Benda-benda itulah yang orang percaya hingga hari ini.

Semua ini datang daripada pembesar-pembesar di sekeliling saya pada ketika itu. Semasa pemerintahan Almarhum Sultan Sulaiman, mereka ini cukup mewah. Selain daripada gaji dan claun, setiap bulan mereka menerima imbuhan dan habuan tertentu. Tetapi, apabila saya menaiki takhta, segala imbuhan dan habuan itu saya hentikan. Wang yang sebelum ini dibelanjakan dengan banyak untuk

pembesar-pembesar, saya gunakan untuk membuat jamuan. Saya menjamu rakyat jelata. Itu sebabnya pembesar-pembesar marah. Lalu saya difitnah dan dimusnahkan. Hingga hari ini, tidak diketahui dengan jelas, apakah punca sebenar saya dianggap 'tidak layak' oleh kalangan istana dan pembesar-pembesar Terengganu untuk meneruskan takhta kesultanan Melayu Terengganu.

Kini saya hidup merempat. Saya dihalau keluar daripada singgahsana milik mutlak ayahanda saya dengan sehelai sepinggang. Saya sebenarnya tidak tahu apakah niat mereka berbuat saya begini. Saya juga hairan kenapa mereka tidak mengiktiraf juga saya. Sejaht-jahat Jepun, mereka iktiraf juga saya sebagai raja. Orang putih pun ada catat tentang saya sebagai raja, tetapi orang di sini tidak. Macam negeri Terengganu tidak ada raja pada tahun 1942-45. Macamlah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah tidak ada zuriat. Setahu saya, dan ini memang fakta, mana-mana negeri beraja apabila sultan yang memerintah mangkat, anak dulu jadi raja, anak dulu ditabalkan menjadi sultan. Walaupun sehari. Syaratnya jadi sultan dahulu.

Ada orang kata, Jepun yang mengangkat saya jadi sultan, tetapi sejarah ini tidak betul sebab Jepun tidak pernah mengangkat saya; mereka sokong sahaja. Sejaht-jahat Jepun, dia orang ini ada adat juga.

Perlantikan saya adalah menurut adat istiadat Raja-raja Melayu. Ia selaras dengan Undang-undang Tubuh Negeri. Apabila ayahanda saya mangkat pada 26 September 1942, saya dilantik menggantikannya. Turut serta pada perlantikan saya itu ialah kerabat-kerabat diraja yang akrab, iaitu ayahanda saudara saya (bekas kerabat-kerabat yang lain), pembesar-pembesar negeri, mufti dan rakyat negeri Terengganu serta wakil Sultan Kelantan dan Sultan Pahang.

Perlembagaan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu adalah mengikut hukum syarak berlandaskan

Khalifah Muawiyah di mana sultan sesebuah negeri adalah juga ketua agama Islam. *Warasah* (penerima pusaka) adalah *nasab* (keturunan) yang *akrab* (terdekat). Di dalam Perlembagaan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Fasal I (Bab II dan Bab III) telah ditentukan bahawa *Warasah Nasab Akrab* ialah anak sulung lelaki. Dialah sahaja yang berhak mewarisi takhta kerajaan negeri Terengganu. Justeru itu, kesahihan saya sebagai sultan negeri Terengganu sah dan benar.

Demi Allah, saya tidak ditabalkan atau dilantik oleh Maharaja Jepun. Kemahkotaan saya adalah berdasarkan kemangkatan ayahanda saya mengikut adat istiadat Raja-raja Melayu dan Undang-undang Diri Kerajaan Negeri Terengganu.

Daulat Seorang Sultan

Walaupun umur saya sudah menjangkau 79 tahun, namun badan saya masih sihat dan masih mampu bergerak ke mana yang saya suka. *Alhamdulillah*. Ramai kawan saya bertanya apakah saya ada ilmu. Malah ada juga yang meminta petua satu dua daripada saya untuk diamalkan. Bagaimanapun, saya menolak untuk bercerita kerana kluatir dikata orang bukan-bukan.

Saya juga tidak gemar menceritakan tentang daulat seorang sultan kerana saya kluatir timbul salah tanggapan atau dikatakan takbur. Cuma satu yang ingin saya ceritakan.

Ada sebuah tempat di Istana Maziah untuk para pembesar menghadap sultan satu ketika dahulu. Pada satu hari (saya sudah lupa bila hal ini sebenarnya terjadi), seorang pekerja istana duduk bersimpuh di tempat berkenaan lalu berlagak seperti seorang sultan. Pekerja berkenaan meminta seorang dua rakannya mengangkat sumpah kepadanya dan

dilakukan oleh rakan-rakannya. Tetapi sebaik-baik sahaja pekerja itu bangun dari tempat itu, dia terus muntahkan darah. Lalu pekerja berkenaan dibawa ke hospital, tetapi doktor mengatakan dia tidak menghidap atau diserang oleh sebarang penyakit.

Hal itu dimaklumkan kepada saya. Saya hanya berikan segelas air kepadanya. Dengan izin Allah, sesudah meminumnya, muntah darah itu pun berhenti. Bagaimanapun, itu semua cerita lama.

Saya Bukan Sultan Jepun

Pihak Jepun tidak pernah menurunkan atau menaikkan mana-mana sultan sepanjang masa pemerintahannya. Di sebalik segala keburukan dan kelemahan pemerintahan Kerajaan Jepun, mereka dikatakan tidak pernah merampas kuasa dan daulat seseorang sultan, apatah lagi untuk campur tangan di dalam soal-soal yang berkaitan dengan agama dan istiadat raja-raja Melayu ketika itu.

Sultan juga manusia biasa, jadi sudah tentu mereka tidak dapat melakukan banyak perkara untuk mengatasi kekejaman Jepun. Malah, mereka juga 'terpaksa' mencari jalan selamat demi menjamin kedudukan masing-masing. Maka tidak hairanlah timbulnya tuduhan bahawa ada sultan-sultan tertentu yang menjadi 'boneka' Jepun dan tidak lagi sebagai pelindung orang-orang Melayu pada ketika itu.

Catatan sejarah juga menunjukkan mereka yang menjadi mangsa kekejaman Jepun terdiri daripada orang-orang yang difitnah atau yang terlalu pro-British. Malah, boleh dikatakan orang-orang Melayu yang bersikap lebih British daripada Britishlah sebenarnya yang ditangkap, didera dan dibunuh oleh Jepun.

Dalam konteks kesultanan Melayu Terengganu pula, saya menaiki takhta selepas kemangkatan ayahanda saya,

Sultan Sulaiman. Saya dilantik oleh kerabat-kerabat diraja dan para pembesar Terengganu. Jadi, adalah satu pembohongan untuk mengatakan saya diangkat oleh pemerintah Jepun sebagai Sultan Terengganu.

Apa kata jika ditakdirkan ayahanda saya, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, tidak mangkat semasa pemerintahan Jepun? Adakah pihak British tetap menerima saya sebagai pewaris yang sah terhadap Kesultanan Terengganu?

Sebenarnya Sultan Selangor ketujuh Tengku Musaudin (Tengku Kelana Jaya Putera) ataupun dikenal sebagai Sultan Musa Ghiatuddin Shah, dan juga Sultan Perlis, Syed Hamzah, turut mengalami nasib yang serupa seperti saya. Kedua-dua mereka ini menaiki takhta semasa pemerintahan Jepun.

Sebelum kedatangan Jepun, Tengku Kelana telah diturunkan daripada takhta lalu dibuang negeri ke Pulau Cocos. Tetapi, apabila Jepun memerintah, mereka telah memanggilnya pulang (dari Pulau Cocos) lalu menyerahkan semula takhta Kerajaan Selangor kepadanya.

Bagaimanapun, apabila British datang semula (selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua), Tengku Kelana telah diturunkan takhta. British kemudiannya melantik Sultan Hishamuddin Alam Shah sebagai Sultan Selangor. Namun begitu, Tengku Kelana lebih bernasib baik daripada saya. Baginda memperoleh segala bentuk pencen, elaun kerabat, istana dan pelbagai kemudahan lain seperti yang termaktub di dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor.

Hal yang agak berbeza berlaku di Perlis. Syed Hamzah dengan rela hati turun daripada takhta apabila British datang semula ke Tanah Melayu. British lalu mengakui perlantikan Syed Putera sebagai Sultan Perlis yang baru. Perlantikan tersebut dibuat oleh Mesyuarat Negeri dan Orang-Orang Besar Perlis.

Di Terengganu, pernah satu waktu Dato' Jaya dikehendaki sangat oleh Jepun untuk ditangkap. Apabila mendengar khabar itu, saya mengarahkan supaya Dato' Jaya disembunyikan buat seketika sehinggalah keadaan tenang dan kemarahan Jepun dapat dikendalikan.

Setelah beberapa lama, saya mengatur satu jamuan besar-besaran. Dalam jamuan itu, semua pembesar negeri dan pembesar-pembesar Jepun hadir. Tiba-tiba Dato' Jaya muncul. Semua yang hadir senyap. Cemas. Takut. Saya kemudiannya meminta Dato' Jaya duduk di sisi saya, bersebelahan dengan pembesar Jepun. Saya lihat pembesar-pembesar Terengganu gelisah dan cemas, malah beberapa orang pegawai Jepun kelihatan bengis dan enggan menjamah makanan yang dihidangkan.

'Tuan, dia orang kita. Dia ini pembesar Terengganu. Dia memang sokong Maharaja Jepun. Kalau tuan mahu terus perintah negeri ini, tuan kena jaga dia baik-baik. Dia banyak tolong saya sebagai sultan,' ucap saya kepada seorang pegawai Jepun.

Saya dapat rasakan tangan Dato' Jaya ketika itu. Sejuk dingin. Mukanya pucat kalau ditoreh tidak berdarah. Bilabila masa sahaja pedang Jepun akan singgah ke tengkuknya.

'Itu macam ka? Itu macam ka?' tanya pegawai Jepun itu seperti tidak percaya.

Saya mengiakan. Pegawai Jepun itu bangun lalu menepuk-nepuk belakang Dato' Jaya yang tidak henti-henti membongkok-bongkokkan tubuhnya. Terselamatlah nyawa Dato' Jaya.

Dalam satu peristiwa lain, nyawa seorang tokoh agama Terengganu, Tuan Syed Sagaff juga hampir-hampir ditamatkan oleh Jepun. Mujur pada suatu hari, seseorang memaklumkan kepada saya tentang Tuan Syed Sagaff sudah ditangkap dan dikurung oleh Jepun. Mendengar itu, saya bergegas ke markas tentera Jepun.

'Sultan mari ada apa?' soal pegawai Jepun di situ.

'Tuan, saya dengar tuan sudah tangkap satu orang,' ucap saya.

'Bukan satu orang. Banyak orang. Semua suka British. Semua ada radio. Semua mesti mati!' ujar pegawai Jepun bengis.

'Itu Syed tuan ada kurung ka?' tanya saya.

'Ooo, itu Syed! Ada, ada. Sultan mahu jumpa dia? Tak burehhh! Apa fasal orang ramai jumpa satu orang? Orang ramai beri pisang. Beri makanan. Beri wang. Dia rebih besar daripada kita ka?'

Pihak berkuasa Jepun menetapkan untuk membunuh Tuan Syed Sagaff, salah seorang tokoh ulama Terengganu. Saya menganggap tokoh ini difitnah untuk cuba menghasut bencikan Maharaja Jepun oleh *kempetai* yang dengki Syed Sagaff, yang hidup agak mewah.

Puas saya memujuk pegawai tertinggi Jepun. Saya yakin mereka bahawa Syed Sagaff bukannya penghasut. Akhirnya, Syed Sagaff dibebaskan. Malangnya, saya difahamkan kedua-dua tokoh ini dikatakan terlibat dalam usaha menjatuhkan saya.

Sepanjang saya mentadbir negeri Terengganu, saya menerima nasihat dan asuhan daripada Tengku Kelana (Sultan Selangor ketika itu). Tengku Kelana sering menasihatkan saya agar berbuat sesuatu untuk mengelakkan Jepun menyerkup rakyat Terengganu seperti menyerkup anak ayam.

Saya mungkin merupakan sultan pertama yang berjoget dengan rakyat. Semasa Jepun memerintah, saya memang sering mengadakan pelbagai jenis jamuan. Dan pada masa itulah saya berjoget dengan rakyat. Tujuan saya ialah supaya rakyat mahu mendekati sultan untuk kesenangan mereka. Dalam jamuan atau pesta seumpama itu, mereka boleh makan apa juga. Bukankah pada masa itu makanan susah?

Demi Allah, saya tidak pernah kerabat anak dara orang Jepun buat, itu Jepun punya fasal. Dalam keadaan begitu, tentu ada seorang dua yang menjadi korban nafsu serakah Jepun. Mana lebih baik, seorang dua menjadi korban atau membiarkan Jepun bermaharajalela di seluruh negeri?

Sebagai seorang yang pernah belajar dan diasuh oleh British selama kira-kira lima tahun di Universiti Oxford dan pernah memerintah Terengganu semasa pendudukan Jepun, saya dapat membezakan disiplin antara kedua-dua kuasa itu. Kedua-duanya memang mengutamakan disiplin, tetapi disiplin Jepun lebih tinggi daripada British. Seorang pegawai British hanya memalingkan mukanya ke arah lain apabila mendapati kita tidak menekuni tugas yang dipertanggungjawabkan. Sebaliknya pentadbir ataupun pegawai Jepun akan terus menangkap atau mendera kita kalau kita cuai melakukan satu-satu pekerjaan.

Sepanjang saya menjadi Sultan Terengganu, pihak Jepun telah meminta saya menghadiri Mesyuarat Raja-raja Syonanto (Singapura) sebanyak dua kali. Bolah dikatakan semua sultan hadir. Tetapi sebenarnya tidak ada mesyuarat pun. Pihak tertinggi Jepun hanya meminta sultan-sultan yang hadir berdiri tegak, memberi hormat kepadanya. Semua sultan yang hadir akan berdiri tegak sebagaimana diminta. Tetapi Sultan Johor pada ketika itu lain sedikit. Tubuhnya sengaja disengetkan. Apa yang dikata oleh pegawai-pegawai tertinggi Jepun tidak begitu diendhakkannya. Baginda buat dengar tak dengar sahaja. Kemudian, kami raja-raja disuruh duduk. Lepas duduk, disuruh balik. Begitulah Mesyuarat Raja-raja semasa Jepun.

Dakwaan saya menyerahkan negeri Terengganu kepada Bintang Tiga (komunis) selepas kekalahan Jepun sementara menanti ketibaan pihak British, sebenarnya tidak benar. Sedangkan kepada pihak Jepun negeri ini tidak saya serahkan, inikan pula kepada Bintang Tiga! Saya juga me-

nafikan bahawa saya sengaja membiarkan Bintang Tiga menyembelih beberapa orang pembesar Melayu ketika itu.

Bintang Tiga tangkap dan bunuh mereka yang menjadi tali barut Jepun. Kebanyakan *kempetai* Jepun ditangkap dan dibunuh. Bukan saya yang suruh. Bukan saya sengaja pejamkan mata ketika itu. Tali barut dan *kempetai* Jepun memang banyak mendatangkan penderitaan kepada orang-orang Melayu semasa pemerintahan Jepun. Pembunuhan seumpama ini memang akan berlaku di mana juga sebaik sahaja satu-satu pihak tertentu menang atau merampas kuasa. Adalah satu pembohongan jika dikatakan saya yang menyuruh Bintang Tiga menyembelih pembesar-pembesar Melayu ketika itu.

Saya suka menjelaskan semasa Bintang Tiga mengamuk, ada seorang pembesar negeri dan seorang lagi yang pandai tulis-menulis yang menjadi *kempetai*. Kedua-duanya cukup dikehendaki oleh Bintang Tiga. Saya, selaku sultan, mengarahkan orang-orang tertentu supaya menyembunyikan kedua-dua orang ini. Akhirnya, mereka terselamat.

Detik awal Bintang Tiga berusaha menguasai negeri Terengganu, saya berada di Istana Panchur. Saya dapat mendengar bunyi derap kasut askar-askar Bintang Tiga melintasi istana saya menuju balai polis.

Tidak lama selepas itu saya menerima panggilan telefon daripada Tengku Seri Paduka Raja, Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang ketika itu menjadi Pesuruhjaya Polis. Saya diminta datang ke *Police Central* seberapa segera bagi mengelakkan pertumpahan darah. Bonda saya juga menyuruh saya ke sana. Saya panas darah juga masa itu. Terus saya buka peti besi dan mengeluarkan dua pucuk pistol. Kedua-duanya berisi peluru. Bersama-sama seorang pengawal dan pemandu, saya terus bergegas ke balai polis.

Setibanya saya di balai polis, saya dapati pihak Bintang Tiga sudah pun menawannya. Saya nekad. Kedua-dua

pistol yang tersisip di kiri kanan pinggang saya sesekali saya sentuh. Saya merasakan nyawa saya akan melayang pada bila-bila masa. Tetapi saya sudah nekad. Saya tidak akan mati tanpa melawan.

'Tuan-tuan nak apa?' soal saya.

'Lucut pistol itu!' bentak seorang ahli Bintang Tiga.

'Tuan-tuan nak buat apa?'

'Kami sudah *control* ini negeri!'

'Jangan itu macam, tuan. Saya sultan. Tuan boleh *control* ini negeri. Tuan *control* malam saja. Siang saya jaga. Malam, tuan jaga. Tuan tangkap pencuri. Tangkap orang jahat!'


Pihak Bintang Tiga termenung seketika mendengar cadangan saya: Kemudian mereka berbincang seketika di dalam bahasa yang tidak saya fahami. Akhirnya pihak Bintang Tiga menerima formula 'pembahagian kuasa' saya.

Mana saya ada serah kuasa kepada Bintang Tiga? Masa itu darurat. Tegang. Nyawa di hujung rambut. Kita kenalah cerdik. Tapi, ada pegawai polis yang cabut lari dari balai. Mujur saya dengar nasihat almarhum bonda saya. Kalau saya menyorok sama pada malam itu, entah berapa banyak nyawa yang melayang disembelih dan dirodok oleh Bintang Tiga di balai polis itu.

Insiden saya berdiplomasi dengan Bintang Tiga telah dieksploitasi oleh satu pihak lain pada saat-saat saya mahu diturunkan takhta.

BAHAGIAN III

Beberapa dokumen dan surat penting yang dikeluarkan dalam masa pemerintahan Tengku Ali di negeri Terengganu sebagai lampiran. Turut dimuatkan sebuah karangan lama dan petikan daripada buku HARI PERTABALAN tentang kedudukan Tengku Ali.



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

Catatan mengenai kemangkatan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu.



Redaksi Kemunculan Berhala
Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

Yelagun 28 (Isnin) 28 September 2602 (18 Ramadan 1361). Tahun Terengganu

Sejarah Sultan Terengganu

Dalam tahun kemunculan berhala Sultan Terengganu Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu. Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu. Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu.

Sejarah Sultan Terengganu

Dalam tahun kemunculan berhala Sultan Terengganu Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu. Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu. Sultan Badrul Alam Shah yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu.

LAMPIRAN 2

Titah Sultan Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman semasa dilantik menjadi Sultan Terengganu seperti yang tersiar dalam akhbar *Cahaya Timur*, Bil. 38, Isnin, 28 September 2602 bersamaan 18 Ramadan 1361 keluaran Jabatan Maklumat Kerajaan Terengganu.

بسم الله الرحمن الرحيم

4

دفتن باهي شويجه زيبا حقا
نشة السلطان علي بن السرحوم جوا اوان

السلطان سليمان
علي بن سليمان
السلطان تركمان

—x—

تد 10 افرور 2602

ترجمان اوجان

نوان شويجه کنگه شکر علي لورا
تد 309.2602

ساي شويجه شينگي زيبا گناپ
کنده توان بشراوان شويجه کن دفتن فرودان
نه شکرپاکي گنده ساي سوره اکوان
سجادي سلطان باي نوري رنگانو شنگلي
الرحوم لورکا ايندا ساي السلطان سليمان
برالماتم تاد

اره سبب گنگان السلطان مکه اوان
برکدان دفتن گوان دان شنگه باي شکر
ساي شويجه شينگي السلطان اين بين نه
لورکون فرقه درقه لعاظ لنديران لورا
ملا باوان سکرگخ بين سوك حلقو شينگي
فرقه اين گنده شنگو.

دوره گداوان سکرگخ اين بايت تاد
بلايو نه جادي سوات سچاس لورون بانون
مکه زدهنه برك حلقو ديكياكي اقبه تون
سکران بعل اولداكي اقبه ترجمان
سلطان باي شنگو

اگنتاني اوله تد کالي اين حصارا
آنديران اگوخ لورا بانون ملا تاد ميسا
خاص دانس فرکاره اي وان نه فرينگي
بين شکرپاکي گوان سلطان گنده شنگه
عاقده سوات ناس پنديق دفتن کن وان مه
مقرواد لرا با من پلارو دانس لورا جوا سر
سلطان سرت شکرپاکي لورا جوا سر باوا
باي سلطان

مکه ساي دفتن عالي يتولس اخلاص
سرسا گنگورون دانس جسره نمسا
شکرپان اين دان ماکوکه ساي طاعه شيا
گنده بنسا بسر گرامان داي بانون بشا
عاقده وان سمام دان بيراکه ساسيه
نورسما نه شنگوخ گوان باي لوران برماي
کاناتان وان سديريکن گسوران برماه
دايا واي اين

سکيت ساي بکران دفتن جالن
فرودان توان بشراوان ميله شينگي اوجان
مخروه زيبا گناپه درقه ساي گنده توان
کنرا لعاظ لنديران لورا بانون شاه طرککنک
دانس گنتيشکن اينه دان جواک دهان لورکون
دفتن جان توان بشراوان مهابت لورا
گنده توان بشراوان تانبا اگوخ لورا داي
بانون توان بشراوان گداوه لنديران لورا
بانون دان بشراوان مليا فرانس توکو گادا
شده بيرتاي دوکيت دانس گنگان
الرحوم لورکا ايندا ساي اين

ساي سرت سکران لرايه الرحوم لورکا
ايندا ماقده بسر عالي دانس ايتان اين
دعالم لشون شنگو

ديپيشکن دلعاظ چيق گرامان لورکاوه اوله عهده لورون احمد تچيق گرامان

LAMPIRAN

LAMPIRAN 3

Surat Sultan Ali kepada *Military Commissioner*
mengenai pengiriman empat helai pemasyhuran.

(6) in S.T.71/62

Pejabat Sultan.

K, Trenggani pada 30 November /62

Kemajlis Tuan Yang Terutama *Military Commissioner*,
Trenggani dengan kehormatannya.
Tuan Yang Terutama.

Dengan segala hormat-nya beta ma, alonkan ia-itu
menurut persetujuan surat Tuan bilangan E2/2488
bertarikh 27 November 1962 itu, maka bersama ini beta
kembalikan 4 helai Pemasyhuran dalam bilangan 1, 2, 3
dan 4/1362 yang beta akan keluarkan kepada pengtahuan
ma.

Demikian-lah beta ma, alonkan bagi pengtahuan
Tuan, ada nya.

LAMPIRAN 4

Surat kebenaran menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri
oleh *Military Commissioner* kepada Sultan Ali.

No. 62/2486

Pejabat *Military Commissioner*,
Kuala Trengganu, 27 November, 2486.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Ali Tani SA-marhem
Sultan Sulaiman badrul-alam shah
Keraja'an Trengganu,
Dengan kesejahtera'an-nya.

KEBENARAN MENUBUH-KAN MAJLIS MESYUARAT KERAJA'AN.

TuanKu,

Memurut surat Bilangan 71/62 bertarikh 14 hari bulan
November, 2486 mengangkat-kan nama2 Ahli Mesyuarat Keraja'an
supaya di-tubeh-kan Majlis Mesyuarat Keraja'an itu maka saya
telah angkat-kan kepada Tuan High Commissioner dan telah mendapat
persetujuan-nya demikian-lah saya ma'alum-kan ada-nya.


Ada-lah saya dengan hormat,

P.Na.Badalung,

Ag. *Military Commissioner*,
Trengganu.

LAMPIRAN 5

Surat perlantikan jemaah menteri.



LAMPIRAN 6

Memo rasmi Sultan Ali mengenai aturan memerintah negeri.

100. (B-1) 25

10th S.F. 21/62.

Official Memo.SULTAN OFFICE
TRENGGANU

Kemajlis Tuan Yang Terutama
Military Commission Trengganu
dengan beberapa kemuliaan-nya,
Tuan Yang Terutama.

Dengan segala hormat beta
maafkan, berkenaan dengan
aturan memerintah Negeri yang
telah di-nyatakan kepada beta
itu, Maka ada lah di bawah
ini beta nyatakan nama-
Mentri-nya yang beta lantikkan.

1. Dato' Jaya Perkasa
2. Tengku Beja Wangsa
3. Tengku Pektama Wesa
4. Tengku Peduka Raja
5. Tengku Jaya Perkasa
6. Che' Hashim bin Dato' Sawangsa
7. Dato' Sudeza Pahlawan
8. Dato' Sangosa Pahlawan
9. Tengku Seri Akat Raja
10. Che' Yusuf bin Hong
11. Che' Kholid bin Haji H. Rahman
12. Tengku Bijaya Sura.

Official Memo.

SULTAN OFFICE
TRENGGANU.

13. Tengku Indira Segara.
14. Tengku Isomara Raja.
15. Tengku Serewa Raja.
16. Tengku Muda Mohamad.
17. Haji Ali bin Omar.

2. Maka di atas nama yang
tersebut itu beta angkat kan Dato
Jaya Perkasa menjadi Vice
President dan Tengku Beja
Wangsa menjadi Secretary-General.
Demikianlah beta sringi
tabek dan terima kasih ju
ada nya.

Tertulis di Istana Kolam
K. Trengganu pada 24.2.2489
bersamaan. 1.3.1363

LAMPIRAN 7

Titah Sultan Ali di Hari Keputeraan.



(۲) دایره شماره ۲۱
۶۲

بختراوتام توان ملیتاری کوشنری بانی نگری ترکانو
 بهما دهن قدرات توهم نله خجادیکن هاری این (هاری تان ۲۴۸۵، ۱۱۸، ۱۴)
 سیرا هاری فرامان بانی بیت دهن سکل فرایت آیت خاصن قول بانی ایت آملیور دان عام
 بانی بهما آد دالم نگری این فران نله جمیع ائن نعمت بهد لبطین اوله بهما ملیا لایه بها پسر
 کراچان تایی ایاله کوشنریو دان بختراوت بیت شویدکن جمیع منتری دان بشوارت نگری این
 دن نده هاری این دنگلن ایاله هاری بهد استعدادت بانی فرولا من و
 که لوطه آیت نعمت بهد جوچوری ایت مساحت له دهن مقصود بهما ایاس کراچان برماجه
 ان مقصود اعدایان دان نطقین بانی تیف آفرچان بهد هید من دری سینه لکن خجادیکن
 ایت آملیور این منع مستویان ان امان و که بیت توهم نله توهم سرو سکلین ظالم دهن روح
 بهد کراچان اوله بهما ملیا لایه بها پسر ایت که هید وله جمیع بشوارت کراچان این دهن کلال
 سلطان درانم کراچان مع جوشو و
 بهد سکن ایاله بیت هندی خراقلن بکیمان لکهران بیت فد کتیک جمیوت دان مقصود
 مان کدین ائن ایله اعدایان دان منع راس مع بکتوجرمع ملیکن ترانله کاشان آ این درانم
 ایلان بختراوتام جوگ سلطان و
 لکن ملین جمیع منتری دان اهلی آ بشوارت نگری دهن قه نارن دان فرستوجوان
 توان بختراوتام ملیتاری هاری کوشنری بانی بهما ملیا لایه بها پسر کراچان تایی و که دهن
 سبب توبه کاشان دان پسر هارن ایت بهد لکن لکن لایه کت نله جمیع اهلان دان بختراوت
 کایه سکلین خجادی جمیع بشوارت این مرتجمیسن تیف کایه جمعی سکل کراچان آ دان بچارا
 بهما که درانم سکل حال انو فرارا بهر کاشان لایه بها پسر دهن دهن کت
 اوله شرف آ انداخ دهری کراچان دهن اسلامه دان لویوس و
 سیکمان بختراوتام بهما ایاس این ایاله ایاس خیرود که کواچان ایت هندی لکن
 لایه کت ائن سکل تاکه کایه بختراوتان نظرون باسیر آ دان هندی لکن سولیمین خجاری جان
 له اختیار مع ماد بکن سکل کوشنری ملایمطان کوشنری دان نظری هرکه ملکان درانم نگری دان
 شویدکن کاشان بانی ایرو راس قول که هارنله بیت سفای کایه بکن سام دهن نظری کراچان
 بهما ملیا لایه بها پسر تایی دهن سکل دای اولای دهن تونس اغلاسه بهد هید من دهن جان
 انقلاز ایت لبطین درانم تیف فرکارا و که امیر اوچان این بیت هر جمعی ایت تویا
 کاشان لکن توان بختراوتام ملیتاری کوشنری دان لکن ملین اهلی آ بشوارت بهما کدین دملوله آدن و
 طی این ملیکن
 سلطان ترکانو
 تاریخ نده هاری تان
 ۱۴، ۱۱۸، ۲۴۸۵

LAMPIRAN 8

Sah Atau Tidak Tengku Ali Diturunkan Takhta
(Menurut Encik Maidin bin Muhammed Ibrahim)

Berhubung dengan beberapa perbahasan yang telah dikemukakan oleh penduduk negeri Terengganu berkenaan dengan soal terpecatnya Tengku Ali daripada menjadi sultan negeri Terengganu dan pertabalan Sultan Ismail dan adakah Dato' Jaya Perkasa dalam masa pemerintahan tentera British dahulu telah dilantik menjadi Menteri Besar bagi negeri Terengganu dan berlanjutan hingga sekarang ini. Maka inilah saya mencuba memberi pandangan pula.

Bermacam-macam perbahasan telah kedengaran di merata-rata tempat. Perkumpulan orang Melayu dan sesetengah perbahasan itu malangnya berasas di atas kerenah-kerenah yang bersalahan di antara satu dengan lain dan sebab itulah fahaman yang didapati itu bersalahan pula dengan satu pihak dengan pihak yang lain.

Rencana ini bukanlah bertujuan hendak menimbulkan apa-apa perselisihan di antara satu pihak dengan satu pihak ataupun berkait dengan sebarang soal politik tetapi adalah tujuan rencana ini semata-mata hendak menerangkan kejadian yang sebenar, kedudukan undang-undang yang ada di dalam negeri Terengganu ini, Undang-undang Diri Bagi Negeri Terengganu, adat istiadat bagi negeri Terengganu dan rukun keadilan yang telah dijalankan oleh keadilan British di dalam seluruh empayar British terutama sekali di dalam negeri Terengganu.

Sungguhpun di dalam rencana ini disulamkan beberapa fikiran dan fahaman selain daripada kejadian sebenar tetapi adalah tujuan fikiran dan fahaman itu untuk menentukan atas rukun apa mereka yang tidak berpuas hati itu mengemukakan perbahasannya untuk mendapat satu keputusan yang sebulat suara supaya ia boleh dijadikan panduan pada hari akan datang sekiranya adat istiadat di negeri Terengganu ini dicabul.

Susunan Pemerintahan

Negeri Terengganu sebelum diduduki oleh tentera Jepun adalah diperintah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan di dalam Majlis

Mesyuarat dengan nasihat seorang pegawai British berpangkat *British Advisor* yang tiada mempunyai kuasa memerintah. Di dalam perjanjian yang bertarikh 24 Mei 1919, Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dengan *persetujuan menterinya* (maka hendaklah diingatkan pada akhir rencana perkataan dengan persetujuan menterinya) telah sanggup menerima seorang pegawai British yang dinamakan *British Advisor* yang berkediaman di dalam negeri Terengganu dan nasihatnya mesti pula diminta dijalankan di atas segala perkara yang berkaitan dengan pemerintahan am di dalam negeri dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan melainkan soal yang berkaitan dengan agama.

Di dalam Mesyuarat Negeri tidaklah boleh Penasihat British itu bersuara. Majlis-majlis Mesyuarat Negeri Terengganu terkandung di dalamnya sebanyak 19 orang dan malangnya semua pegawai kerajaan termasuk juga ahli yang telah bersara daripada jabatan kerajaan.

Majlis Mesyuarat kerajaan tidak diterangkan keadaannya di dalam perjanjian yang tersebut di atas ini tetapi adalah negeri Terengganu ini diperintah oleh Sultan dan Majlis Mesyuarat daripada tahun 1910 dan oleh kerana itu bolehlah difahamkan bahawasanya kuasa bagi mengadakan Majlis Mesyuarat itu terbit di bawah Fasal yang ke-37 di dalam Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang bertarikh 1911. Bunyi Fasal yang ke-37 itu ialah seperti berikut:

Adapun mesyuarat kerajaan itu ialah dikatakan timbalan yang maksudnya membantu akan raja dan jemaah menteri pada mentadbirkan negeri dan rakyat seperti membuat, meminda, atau menambahkan undang-undang dan peraturan melainkan agama dan hukum syarak dan memikirkan hal membukakan negeri dan memakmurkan dia dan memberi ikhtiar yang baik pada menerbitkan hasil dan memperbanyakkan perniagaan dan membaiki akan hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan iman di dalam negeri dan daerah takluk jajahan Terengganu dan memelihara dan muhibah persahabatan dan perdamaian dengan lain-lain kerajaan.

Dan disyaratkan pula pada Fasal yang ke-37, ke-38 dan yang ke-39 demikian:

Maka hendaklah dijadikan ahli-ahli mesyuarat kerajaan itu menteri-menteri dan pegawai-pegawai, ketua-ketua atau lain-lainnya yang dijadikan oleh raja dengan syor jemaah menteri daripada satu masa ke satu masa dan harus pula diambil seorang yang mempunyai ilmu dan kepandaian yang dapat mengeluarkan pinca-pinca peraturan negeri dan segala tadbir dan dijadikan dia ketua mesyuarat iaitu lain daripada Menteri Besar.

Maka hendaklah dijadikan ahli mesyuarat kerajaan itu daripada rakyat negeri Terengganu tetapi tiada disyaratkan semua mereka itu daripada beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Maka menurut perkataan 'tetapi tiada disyaratkan semua mereka itu daripada beragama Islam dan berbangsa Melayu' menjadi suatu kehairanan mengapakah selama ini tiada seorang pun ahli mesyuarat yang bukan rasmi bagi pihak rakyat. Selain daripada pertolongan dan nasihat yang diterima oleh Duli Yang Maha Mulia pada masa di dalam mesyuarat, maka ada pula baginya jemaah menteri dan ahli-ahli jemaah menteri itu hendaklah tiada kurang daripada lapan orang dan tidak lebih daripada dua belas orang. Yang menjadi pilihan jemaah menteri itu ialah pilihan raja yang disertai oleh jemaah menteri atau dengan pilihan jemaah menteri yang diperkenankan oleh raja.

Jemaah Menteri

Sepanjang keterangan yang boleh didapati daripada rekod di dalam negeri dan adalah lantikan ahli-ahli jemaah menteri pada akhir sekali ialah di dalam tahun 1940 yang mana ada di dalam Warta Kerajaan. Bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan telah berkenan melantikkan:

1. Yang Berhormat Dato' Jaya Perkasa M. B. E.;
2. Yang Berhormat Mulia Tengku Beja Wangsa;
3. Yang Berhormat Mulia Tengku Pekerma Wera; dan
4. Yang Berhormat Mulia Tengku Paduka Raja;

menjadi Ahli Mesyuarat Jemaah Menteri mulai daripada 14 Syaaban 1359.

Manakala menurut Fasal yang ke-24 di dalam Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu adakah perlantikan empat orang

yang tersebut di atas menjadi sah di atas hal Undang-undang Diri Kerajaan berkehendakkan tiada kurang daripada lapan orang dan di bawah Fasal yang ke-36 di dalam Undang-undang Diri Kerajaan Terengganu menyebabkan demikian:

Maka hendaklah ada jemaah bilangan menteri tidak kurang daripada lapan orang tidak boleh lebih daripada 12 orang maka yang kepala daripada segala menteri itu iaitu Menteri Besar dijadikan kepala mesyuarat kerajaan dan lagi hendaklah dijadikan menteri yang beragama Islam daripada rakyat Terengganu. Maka dibilangkan cukup suatu Ijtima Jemaah Menteri itu sekurangnya lima orang tetapi jikalau Raja ada hadir bersama pada majlis itu memadai tiga orang saja daripada mereka itu melainkan bila masa dibagitahu kepada semua ahli-ahli yang ada di dalam negeri akan dikehendaki Ijtima, maka ketika itu lazimlah hadir sekaliannya.

Maka jikalau dikehendaki tidak kurang daripada lima orang bagi tiap-tiap Mesyuarat Jemaah Menteri, maka empat orang yang tersebut di atas itu tidak boleh menjalankan apa-apa mesyuarat apalagi mempunyai kuasa untuk memecat atau melantik raja.

Zaman Jepun

Pada 10 Disember 1941, pegawai British telah berundur dari negeri Terengganu dan pada 19 Disember 1941, negeri ini telah diduduki oleh tentera Jepun. Pada 27 Disember 1941, Panglima Tentera Agung Jepun telah memerintahkan semua pegawai negeri Terengganu hendaklah mereka itu bagi sementara menerima nasihat daripada pegawai Jepun bernama T. Obata sehingga kedatangan seorang pegawai am Jepun. Pada 25 Januari 1942, Dato' Jaya Perkasa, Setiausaha Kerajaan Terengganu telah mengeluarkan pemasyhuran seperti di bawah ini:

Ketahuilah oleh sekalian yang hadir dan lain-lain bahawa Duli Yang Maha Mulia telah menerima nasihat Tuan Panglima Agung tentera kerajaan yang maha kuasa Nippon. Yang berhormat Tuan T. Obata menjadi Penasihat Kerajaan Terengganu.

Menurut nasihat Tuan Penasihat, segala undang-undang negeri

Terengganu tiadalah dikehendaki apa-apa perubahan dan segala pekerjaan pejabat atau negeri menurut sebagaimana yang biasa dijalankan serta menggantikan pegawai Melayu pada mana-mana jawatan yang ditinggalkan oleh pegawai-pegawai Eropah itu. Yang demikian segala jenis bayaran hasil negeri hendaklah dipungut oleh setiap pejabat dan lazimnya sekalian mereka membayar hasil menurut sebagaimana biasa juga demikian adanya.

Sehingga 29 April 1942, kuasa Duli Yang Maha Mulia dalam mesyuarat sedang berjalan lagi kuat kuasanya, maka apabila tiba Gabenor Jepun ke dalam negeri Terengganu, maka gabenor itu telah mengeluarkan pemasyhuran am pada 29 April 1942 seperti berikut:

Diberi ketahui kepada sekalian mereka isi penduduk di negeri dan takluk Terengganu.

Bahawa pada masa sekarang negeri Melayu telah menjadi tanah jajahan takluk kepunyaan Kerajaan Negeri Dai Nippon Tei Koku dengan sepenuhnya serta kekal selama-lamanya. Maka segala pentadbiran negeri adalah menurut dari perintah Kerajaan Dai Nippon Tei Koku yang dijalankan oleh ketua-ketua pentadbiran yang telah dilantikkan oleh Seri Maharaja Dai Nippon Tei Koku itu.

Oleh yang demikian, penduduk-penduduk di dalam seluruh negeri Terengganu hendaklah faham dan menghayati dengan secukup-cukupnya tentang keadaan kejadian salasilah keturunan negeri Dai Nippon itu yang tidak ada tolok bandingannya dengan mana-mana negeri dalam dunia dan hendaklah faham berkenaan tujuan yang sebenar peperangan di Asia Timur Raya serta janganlah tersilap faham lagi bahawa kita sekalian ini adalah menjadi rakyat yang taat setia kepada pemerintahan Kerajaan Dai Nippon Tei Koku itu demikianlah adanya.

Penabalan Sultan Ali

Pada 7 Mei 1942, pejabat Menteri Besar dan pejabat Setiausaha telah ditutupkan dan Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Setia Raja **diberhentikan daripada jawatan Menteri Besar Terengganu** dan Dato' Jaya Perkasa daripada jawatan Setiausaha

Kerajaan. Pada 9 Jun 1942, kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia telah dibatalkan oleh penguasa tentera Jepun.

Daripada tarikh ini, Sultan Sulaiman yang telah mangkat pada 25 September 1942 tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi. Pada hari kemangkatan Almarhum Sultan Sulaiman, puteranya yang sulung iaitu Tengku Ali telah ditabalkan oleh jemaah menteri dan pembesar-pembesar negeri dan kerabat raja. Sungguhpun tidak ada kenyataan di dalam rekod-rekod yang boleh dipandang oleh orang-orang awam di atas kenyataan yang bukan rasmi, bolehlah difahamkan bahawasanya sangat dikehendaki oleh kerabat-kerabat raja sama ada dipaksa ataupun tidak oleh kerajaan Jepun tidaklah ada keterangan tetapi menurut kenyataan yang bukan rasmi dan boleh dipercayai, kebenaran adalah penabalan Sultan Ali itu diadakan dengan bersih hati oleh kerabat-kerabat raja dan jemaah menteri dan sungguhpun pada masa penabalan Sultan Ali itu tidak ada lagi jemaah menteri dan Mesyuarat Kerajaan tetapi menurut kepada isytihar pada 25 Januari 1942, maka adalah keadaan undang-undang Negeri Terengganu itu tidak berubah dan menurut kepada rukun Undang-undang *International Law*, mana-mana musuh yang menduduki mana-mana negeri itu menjalankan undang-undang yang sedia ada di dalam negeri itu; sekiranya tidak tentulah menjadi huru-hara. Tentera Jepun telah taat menurut pemasyhuran 25 Jun 1942, tetapi telah dibatalkan pula kuasa-kuasa sultan yang mana ialah perkara politik.

Sungguhpun kuasa sultan itu telah pun dibatalkan tetapi pada batinnya ada lagi dan difahamkan penabalan Tengku Ali sebagai sultan adalah sah.

Penyerahan Terengganu Kepada Siam

Manakala berpindah negeri Terengganu ini daripada Kerajaan Jepun kepada Kerajaan Siam, maka Sultan Ali masih bersemayam di atas takhta kerajaan dengan mempunyai sekalian kuat kuasa bagi seorang sultan sebelum daripada tarikh peperangan.

Pada 25 Disember 1943, kuasa-kuasa sultan, jemaah menteri dan Mesyuarat Kerajaan telah dihidupkan seperti yang diwartakan di dalam Warta Kerajaan dan kuasa-kuasa itu Duli Yang

Maha Mulia di dalam mesyuarat telah melantik seorang Menteri Besar dan lima orang jemaah menteri iaitu:

1. Dato' Jaya Perkasa;
2. Tengku Beja Wangsa;
3. Tengku Pekerma Wera;
4. Tengku Paduka Raja;
5. Tengku Jaya Pekerma; dan

17 ahli Mesyuarat Kerajaan daripada tarikh ini berjalanlah kuasa Mesyuarat Negeri yang disebut dengan bahasa Siam *Moutri Spa* menurut peraturan yang ditetapkan.

Jikalau pada masa kuasanya ada dihidupkan oleh jemaah menteri dan ahli mesyuarat tidak menjadi sah, maka tentulah perlantikan Dato' Jaya Perkasa itu tidak sah tetapi sebaliknya pula Dato' Jaya Perkasa masih pada masa ini mengaku dirinya Menteri Besar. Siapakah selain daripada Sultan Ali yang melantiknya? Jikalau sah dia seorang Menteri Besar dengan perlantikan Sultan Ali itu, maka sahlah penabalan Tengku Ali dan jikalau tidak sah penabalannya tidaklah dikehendaki dibatalkan penabalan itu tetapi di sini telah disebut 'diberhentikan' daripada menjadi sultan bukan 'dibatalkan', bermakna penabalan Sultan Ali itu tidak sah dan jika begitu perlantikan Dato' Jaya Perkasa pun tidak sah oleh sebab Menteri Besar itu hak Sultan melantikkan dengan kehendak dirinya sendiri.

British Balik

Pada 25 Ogos 1945, tentera British telah menduduki semula negeri Terengganu ini lalu mengeluarkan pemasyhuran dengan mana sekalian kuasa Duli Yang Maha Mulia, ahli mesyuarat dan jemaah menteri telah diambil oleh Lord Louis Mountbatten dan sekalian perbuatan, perjalanan dan perintah yang dikeluarkan telah menjadi terbatal oleh sebab pemasyhuran Lord Louis Mountbatten itu dan dengan itu kembalilah semula kepada apa yang ada pada tahun 1941 yang menurut rukun *International Law*, iaitu: 'Apabila satu kawasan telah diduduki oleh rakyat yang mana telah dikawal oleh musuh kembali balik kepada kekuasaan yang berhak di dalam perjalanan peperangan, maka perkara-perkara keadaan yang berhak

itu terdahulu daripada kedudukan musuh itu kembali semula'.

Dengan itu tinggallah negeri Terengganu ini dengan tiada seorang Menteri Besar, hanya sultan di dalam mesyuarat, ahli-ahli mesyuarat dan jemaah menteri yang tidak cukup bilangan itu. Tetapi kuasa ini telah diambil oleh Lord Louis Mountbatten. Maka dengan ini tidak adalah kuasa lagi kepada Duli Yang Maha Mulia sebagaimana kuasanya dalam tahun 1941 dan berhentilah Undang-undang Kerajaan Terengganu. Di dalam bulan September 1945 telah mendapat kenyataan bahawa Sultan Ali telah 'diberhentikan' daripada menjadi sultan. Di dalam *Berita Mingguan* ada tersiar kejadian pada 16 Disember 1945 seperti di bawah ini:

Pada hari Ahad, 16.12.1945 bersamaan 12.1.55 jam 9 pagi, sekalian kerabat raja, menteri, ahli mesyuarat, pegawai kerajaan dan ahli jemputan berhimpun di Istana Maziah, Kuala Terengganu. Yang Berhormat Tuan Lieutenant Colonel D. Headly, pegawai pemerintahan perkara sivil yang kanan bagi Jajahan 8 telah tiba ke Istana Maziah. Sekalian pegawai yang hadir telah menyambut ketibaan Tuan itu dan beredar duduk di majlis penghadapan lalu sekalian yang hadir pun bangun memberi hormat.

Yang Berhormat Dato' Jaya Perkasa, Menteri Besar Terengganu telah berdiri mengahukan Tengku Paduka Raja, Tengku Ismail bin Almarhum Sultan Zainal Abidin dan menyeru menjadi sultan dengan gelaran Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin Terengganu serta memasyhurkan dengan berkata:

'Di dalam istiadat yang tersebut di atas ini, Dato' Jaya Perkasa sebagai seorang Menteri Besar bagi negeri Terengganu telah berkata bahawa jemaah menteri dan ahli mesyuarat kerajaan tahun 1941 serta kerabat raja telah bersidang kerana mengahului dan menimbang hal-ehwal dan perkara-perkara kelayakan Sultan Ali. Maka kemudian daripada dibahaskan lalu diputuskan oleh sebab telah didapati beberapa sebab maka Sultan Ali ditentukan ia tidak layak menjadi sultan lagi dan dihentikan daripada jawatan Sultan Terengganu.'

Cara Yang Tidak Sopan

Pemberhentian Tengku Ali sebagai Sultan Terengganu yang dibuat di hadapan khalayak ramai tidak sesuai dengan adat istiadat

raja jikalau ada kesilapan dan kesalahan besar. Sepatutnya diperjalankan maksud pemberhentian dengan sulit dengan dipohon ia supaya menarik diri. Cara ini adalah lebih afdal daripada apa yang telah dibuat. Berkata pula Dato' Jaya Perkasa, 'Oleh sebab dikehendaki seorang sultan bagi negeri Terengganu yang boleh memimpin negeri dan rakyat dengan sempurnanya menurut keadaan masa, maka gantinya telah dilantik dengan suara yang bulat iaitu Tengku Paduka Raja ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin'.

Maka di atas pilihan itu tidaklah boleh dinafikan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada masa Kerajaan Jepun dahulu sangat disukai oleh rakyat di dalam negeri Terengganu kerana baginda adalah seorang yang peramah, berhemah tinggi, sangat menaruh kebimbangan kepada rakyat Terengganu atas kesusahan mereka itu dan sentiasa memberi pertolongan kepada yang berkehendak. Dan sangat pula menjauhkan diri daripada menganiyai orang melainkan jika terpaksa pada zaman kezaliman dahulu dan sekiranya jikalau perlantikan itu diserahkan semata-mata kepada rakyat, maka tentulah banyak suara memilih sultan yang ada sekarang ini. Tetapi adalah perkara yang menjadi perselisihan ini bukanlah di atas pilihan tetapi adalah penabalan ini menurut Undang-undang Diri Kerajaan dan istiadat purbakala.

Sah Atau Tidak

Soalannya sekarang, adakah pilihan Sultan Ismail ini sah di sisi undang-undang manakala kuasa yang dipunyai oleh jemaah menteri (yang sudah tentu tidak sah kerana kekurangan bilangannya) telah diambil oleh tentera British seperti mana kata Lord Louis Mountbatten: 'Saya mengambil bagi diri saya dan ganti saya sepenuh kekuasaan dan tanggungan di dalam perkara keadilan dan perundangan dan memerintah dan pentadbiran dan sekalian kekuasaan kawasan di atas sekalian mereka dan harta benda di seluruh Malaya'.

Pada masa melantik Sultan Ismail, kuasa mesyuarat kerajaan tahun 1941 telah terbatal. Siapakah ahli mesyuarat yang bersidang menurut kenyataan Yang Berhormat Dato' Jaya Perkasa itu?

Menurut pada syarat Undang-undang Diri Negeri Tereng-

ganu, sekiranya Sultan Ali itu tidak layak, maka tidakkah mustahak dilantik seorang daripada putera Almarhum Sultan Sulaiman manakala dipandang kepada Fasal yang ke-4 Undang-undang Diri Negeri Terengganu seperti di bawah ini:

Maka jikalau sekiranya habis dan tiada tinggal keturunan zuriat nasal-nasal Yang Maha Mulia Sultan Zainal Abidin itu ataupun ada tetapi tidak layak diperajakan oleh sebab-sebab seperti tersebut dalam fasal yang ketiga. Maka ketika itu hendaklah dipilih dan diangkat menjadi raja akan seorang yang lelaki daripada keturunan zuriat sultan yang di atas dan dahulu daripadanya pula.

Demikianlah bertiti-titi daripada segala sultan yang memiliki dan memerintahkan kerajaan Terengganu hingga sampai kepada Zainal Abidin, sultan yang pertama.

Maka di sinilah terpaksa mengambil sesuatu pandangan yang berat iaitu adakah sah ataupun tidak keputusan jemaah menteri, ahli mesyuarat dan kerabat-kerabat diraja di atas keberhentian Sultan Ali.

Apa sebab?

Jikalau ketabalan sah padahalnya:

1. Bilangan jemaah menteri itu tidak cukup sebagaimana kehendak Undang-undang Diri Kerajaan Terengganu.
2. Belum ada Menteri Besar dalam negeri Terengganu pada masa itu dan masa sekarang.
3. Kuasa-kuasa sultan telah diambil oleh Lord Louis Mountbatten, maka bermakna kuasa jemaah menteri itu gugur juga.
4. Apakah sebab yang didapati yang munasabah yang boleh Sultan Ali itu tidak diterangkan?
5. Ahli-ahli jemaah menteri dan kerabat-kerabat diraja yang pecat Sultan Ali itu telah juga lantik Sultan Ali pada masa Jepun itu dan jika ada apa kesalahannya pada masa terdahulu daripada Jepun itu tentulah menjadi hapus oleh sebab perlantikan itu.
6. Tidak pula diterangkan apakah kesalahannya pada masa Jepun itu.

LAMPIRAN 9

Surat Tengku Halim Kepada Sultan Terengganu

Menghadap ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah, DKT., DK., DMN., SSMT., DK. (Johor), DK. (Pahang), DK. (Perak), DK. (Selangor), DK. (Perlis), DK. (Kedah), DK. (Kelantan), DP. (Sarawak), SPCM, yang bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dengan segala kebenaran dan kemuliaannya. Amin ya rabbalalamin.

Ampun Tuanku,

Adalah dengan ini patik, Tengku Abdul Halim bin Tengku Ali anakanda sulung kepada Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, seorang rakyat tulen negeri Terengganu jati dengan hormat takzim dan tawaduknya merapatkan sembah sepucuk warkah yang tidak seperti ini ke pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Terlebih dahulu patik memohon beribu-ribu ampun sekiranya ada perkara-perkara yang berkisar di dalam mempersembahkan warkah patik yang diharapkan tidak menjadi kemurkaan Tuanku ke atas diri patik.

Warkah patik ini adalah ulangan yang kedua patik sembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku melalui Setiausaha Sulit Tuanku, Dato' Mohd. Azahar bin Haji Osman bertarikh 1 Februari 1988 (Surat Berdaftar No. 3463), dan salinan kepada Ahli-ahli Jemaah Pangkuan Negeri, yang mana patik yakin warkah patik tersebut tidak dipersembahkan ke pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, maka sudah tentulah patik menerima jawapan yang sewajarnya daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku sultan dan ketua agama yang memerintah takhta Kerajaan Negeri Terengganu.

Pihak patik telah beberapa kali membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan semenjak tahun 1981 lagi, sebelum patik mempersembahkan warkah patik ini kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Tetapi malangnya pihak berkenaan yang

bertanggungjawab termasuk Menteri Besar, Mufti Negeri, sehingga hari ini patik tidak mendapat reaksi daripada pihak-pihak berkenaan, yang mana dipercayai segala persoalan patik ini tidak dapat diberi penjelasan oleh Menteri Besar dan para ulama Tuanku, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Indera Guru (Dato' Hj Wan Abdul Manan bin Hj Wan Yaacob) mengenai Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu yang sebenar, dengan ini patik memohon dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia selaku sultan dan ketua agama Islam yang memegang kedaulatan takhta Kerajaan Negeri Terengganu, dapat memberi penjelasan yang seadil-adilnya berkaitan dengan hukum-hukum syarak sebagaimana persoalan patik ini.

Patik ingin mengemukakan kemusykilan ini kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, mengenai percanggahan yang nyata berlaku di dalam buku HARI PERTABALAN Tuanku, sebagaimana diwartakan dalam buku-buku keluaran oleh kerajaan negeri Terengganu pada 21 Mac 1981, yang telah diedarkan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Ketua-ketua Negara, dan buku PAMERAN SULTAN TERENGGANU pada 17-24 Mac 1981 yang telah diedarkan kepada seluruh rakyat negeri ini, tidak memperakui wujudnya sultan dan ketua agama dalam negeri Terengganu pada tahun 1942 hingga 1945 selama 3 tahun 4 bulan, yang mana pembesar-pembesar Tuanku mengikut selernya yang tidak bertanggungjawab.

Penyelewengan ini dipercayai untuk kepentingan peribadi dan gila pangkat kebesaran dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Mereka ini tidak berfikir secara mendalam akibat yang buruk akan berlaku kedua (keluarga) apabila terbitnya buku HARI PERTABALAN Tuanku yang tersebar luas kepada rakyat ini. Maka kisah yang lama terpaksa patik timbulkan kembali akibat daripada perbuatan pembesar-pembesar Tuanku sendiri. Oleh itu patik memohon merapatkan sembah sepuluh jari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, menyelidik dan memahami di atas warkah patik ini. Justeru itu membayangkan implikasi yang berlaku sekiranya perkara Salasilah Kesultanan ketiadaan sultan atau ketua agama negeri Terengganu di satu-satu masa begitu lama.

Patik memberi ketegasan di sini kejatuhan ayahanda patik

Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, menjadi Sultan Terengganu dalam tahun 1942 hingga 1945 selama 3 tahun 4 bulan adalah dikhianati oleh kerabatnya sendiri dan beberapa orang pembesar-pembesar negeri ini termasuklah seorang alim ulama. Kejatuhan Tengku Ali menjadi Sultan Terengganu diatur sebegitu rupa kerana mengambil kesempatan dalam masa pemerintahan Kerajaan British menduduki semula Tanah Melayu.

Apa yang patik persoalkan dan rasa kemusykilannya sudahlah dikhianati kejatuhan ayahanda patik ketika itu malahan Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu tidak seharusnya diubahsuai untuk mengaburi mata rakyat oleh pembesar-pembesar Tuanku. Dan apakah tipu muslihat tujuan yang sebenarnya kerajaan negeri Terengganu yang di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengelirukan Salasilah Kesultanan yang tidak benarnya kepada rakyatnya sekarang ini dan juga generasi yang akan datang. Yang mana sejarah kesultanan belum pernah terjadi diedarkan oleh kerajaan negeri Terengganu dengan meluasnya kepada seluruh rakyat negeri dan negara semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Bagi mendapat kepastian dan penjelasan yang seadil-adilnya daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku sultan yang memerintah dan ketua negara Islam tulen negara ini, dapat mengulaskan perkara soalan patik berhubung hukum-hukum syarak berkaitan Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu yang sebenarnya sebagaimana di bawah ini:

- (a) Wujud atau tidaknya seorang sultan di dalam negeri Terengganu pada tahun 1942-1945 selama 3 tahun 4 bulan dalam pemerintahan tentera Jepun?
- (b) Sekiranya wujud, siapakah sultan atau ketua agama yang telah bertanggungjawab mentadbirkan negeri Terengganu pada tahun 1942-1945 selama 3 tahun 4 bulan pada ketika itu?
- (c) Sekiranya tidak wujud, siapakah mentadbirkan negeri Terengganu dalam pemerintahan tentera Jepun dan bagaimana-kah kedudukan umat Islam di dalam negeri Terengganu bernikah kahwin memakai wali apa semasa itu?

Sehingga kini patik terasa amat terhina di atas permainan ahli kaji sejarah negeri dan negara yang mempersendakan nama ayahanda patik, Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah di dalam buku-buku sejarah.

Di antara buku-buku tersebut adalah seperti di bawah ini:

(i) *Sejarah Terengganu*

Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
Dikarang oleh Haji Buyung Adil

(ii) *Sejarah Terengganu*

Dicetak dan dikeluarkan oleh Mansor Printing Press, Terengganu.
Dikarang oleh Tuan Haji Mohd Salleh bin Haji Awang
(MISBAHA) hingga 1918 M (1337)

(iii) *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*

Utusan Publications & Distributors pada tahun 1978
Dikarang oleh Tuan Haji Mohd Salleh bin Haji Awang
(MISBAHA) hingga 1918 M (1337)

(iv) *Sejarah Darul Iman Hingga 1337 H/1918 M*

Dicetak oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Lampiran E muka surat 360-361 salasilah dikarang oleh Tuan
Haji Mohd Salleh bin Haji Awang (MISBAHA)

(v) Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu

Anjuran Yayasan Islam di Dewan Tuanku Abdul Rahman Kuala
Terengganu pada 17-18 Mei 1981
Kertas kerja yang disediakan oleh Prof. Madya Wan Hussein
Azmi, di Bahagian 4
'Terengganu Dalam Pemerintahan Dinasti Sultan Zainal Abidin
I, Abad ke-19 M- Sekarang'.
Muka surat 73 para 13

(vi) *After Its Own Image: The Terengganu Experience 1881-1941*

Oxford University Press, Oxford New York 1984
Dikarang oleh Shaharil Talib.

Tercatat dalam buku-buku tersebut mengesahkan bahawa ayahanda patik menjadi Sultan Terengganu pada tahun 1942-1945

selama 3 tahun 4 bulan, tetapi dalam buku HARI PERTABALAN Tuanku yang tersebar luas mengesahkan negeri Terengganu tiada mempunyai sultan pada ketika itu.

Maka dengan ini sekiranya ayahanda patik tidak sah menjadi Sultan Terengganu pada ketika itu, patik memohon merapatkan sembah sepuluh jari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan sebagai ketua agama yang bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan negeri Terengganu supaya mengharamkan buku-buku tersebut demi menjaga nama baik Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu.

- (a) Mengharamkan buku-buku terbitan yang telah mencatatkan nama Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Alam Shah sebagai Sultan Terengganu pada tahun 1942-45 selama 3 tahun 4 bulan.
- (b) Bagi memperbaiki sejarah negeri wajib Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku Sultan Negeri Terengganu mewartakan keseluruhan rakyat negeri dan negara bahawa negeri Terengganu tiada bersultan dan berketua agama pada masa pemerintahan tentera Jepun iaitu pada tahun 1942-45 selama 3 tahun 4 bulan.
- (c) Bagi melepaskan tanggungan ayahanda patik yang tercatat di dalam buku sejarah, wajib Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku Sultan yang memerintah di atas singgahsana takhta kerajaan negeri Terengganu mewartakan bahawa perlantikan tauliah kepada mufti-mufti dan jurunikah-jurenikah di negeri Terengganu di dalam menjalankan pentadbiran agama Islam dalam pemerintahan tentera Jepun tidak sah daripada segi hukum syarak dan mana-mana umat Islam dalam negeri Terengganu bernikah kahwin memakai Wali Raja/Wali Hakim/Wali Sultan dalam pemerintahan Jepun 1942-1945 selama 3 tahun 4 bulan adalah tidak sah.

Adalah dengan ini, Tuanku yang bersemayam di atas singgahsana kerajaan negeri Terengganu dan ketua agama harus maklum dan lebih faham hukum-hukum syarak bukanlah perkara yang boleh dipermain-mainkan oleh pembesar-pembesar Tuanku dan ahli-ahli kaji sejarah.

Seandainya Tuanku tidak dapat menjelaskan soalan patik ini

berkaitan kemusykilan agama berhubung Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu disempurnakan di dunia dan dibawa ke alam akhirat dan Tuanku juga tidak secara langsung terlibat sama selaku sultan dan memerintah dan ketua agama di negeri Terengganu ini. Patik memohon beribu-ribu ampun bukan bermaksud untuk membawa murka dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Demi Allah, bagi menjaga nama baik ayahanda patik Tengku Ali ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah yang mana beliau masih hidup lagi dan bermastautin di negeri Terengganu pada masa sekarang.

Patik terpaksa membuat salinan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Ketua-ketua Negeri untuk mendapat penjelasan hukum-hukum syarak berhubung Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu sama ada betul ataupun tidak sebagaimana yang telah diwartakan dalam buku HARI PERTABAIAN Sultan Terengganu pada 21 Mac 1981 itu.

Akhir kalam, patik yang lemah ini mengangkat junjung sembah ampun beribu-ribu ampun di atas kekasaran bahasa dan beradat seperti ini, ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Oleh yang demikian patik memohon sepatah dua jawapan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai hukum-hukum syarak berkaitan Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu. Semoga dapatlah patik memahami kedudukan Salasilah Kesultanan Negeri Terengganu yang sebenar-benarnya.

Wabillahi taufik walhidayah fiq dunia wal akhirat,

Amin ya rabbalalamin.

(Tengku Abdul Halim bin Tengku Ali)

730 Kampung Pengkalan Rajawali

Cendering

21080 Kuala Terengganu

12 Mac 1988

s.k.

Menghadap ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar

Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Johor Darul Takzim

Yang di-Pertuan Agong Kerajaan Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri
Sembilan

Yang Dipertua Negeri Melaka
Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang
Yang Dipertua Negeri Sabah
Yang Dipertua Negeri Sarawak

Yang Berhormat Dato' Seri Amar Diraja
Dato' Seri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad
Menteri Besar Negeri Terengganu
Kuala Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Setia Wangsa
Dato' Abdul Rahman bin Nasir
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Kuala Terengganu.

Yang Berbahagia Dato' Indera Guru
Dato' Haji Wan Abd. Manan bin Haji Wan Yaacob
Pesuruhjaya Hal-ehwal Agama Terengganu
Kuala Terengganu.

Haji Abdul Rahman bin Mohd
Kadi Besar/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Kuala Terengganu.

LAMPIRAN 10

Salasilah Kesultanan Terengganu Menurut Buku HARI PERTABALAN DYMM Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III tidak menyebut Tengku Ali Sebagai Sultan Terengganu Yang Ke-14.

Menerima Islam

Terengganu telah terlebih dahulu memeluk agama Islam daripada negeri Melaka selama sekurum iaitu kira-kira pada tahun 702 Hijrah (1303 M) yang mana seorang pemerintah bergelar Raja Mandalika mengisytiharkan Islam menjadi agama rasmi negeri ini dan telah diberi gelaran 'Sri Paduka Tuan', tetapi tidaklah diketahui dengan nyata dari manakah datangnya pengembang agama Islam itu, dan siapakah sebenar nama Raja tersebut. Tetapi oleh kerana negeri Terengganu letaknya di tempat lalu-lalang ahli-ahli perniagaan, maka tidak syak lagi negeri ini telah didatangi oleh pedagang-pedagang Arab yang mengembang agama Islam di negeri China pada kurun ketujuh (M) pernah tiba di pantai timur Sumatera terdahulu daripada Marco Polo pada tahun 1292 M.

Permulaan Kesultanan Zainal Abidin Yang Pertama*Keturunan Zainal Abidin*

Daripada penyiasatan-penyiasatan yang didapati daripada buku-buku sejarah dan cerita-cerita mulut, maka setakat yang diperolehi dengan terang dan boleh dianggap benar, menunjukkan Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja ialah Sultan yang pertama dilantik bagi negeri Terengganu. Dari keturunan Bagindalah Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan Terengganu memerintah negeri Terengganu dan jajahannya hingga ke hari ini. Sesungguhnya keturunan Baginda itu dan kerabat-kerabat diraja Terengganu kiranya disusuli hingga kepada Bendahara Melaka Yang Pertama Tun Perpatih Besar gelarannya Bendahara Seri Wak Raja (ayahanda saudara Sultan Muhammad Shah) sudah turun-temurun sejak kurun yang keempat belas lagi.

Sultan Zainal Abidin ini adalah seorang daripada putera Tun Habab atau Habib Abdul Majid Bendahara Seri Maharaja, Bendahara Padang Saujana, (Bendahara Johor yang kesembilan belas, dikantik menjadi Bendahara kira-kira tahun 1688 M, mangkat pada hari Khamis 7 Muharam 1109 H bersamaan 25 Julai 1697 M). Baginda adalah dikatakan keturunan daripada anak cucu Tun Hussin Temenggung anak Bendahara Seri Maharaja Melaka Yang Kelapan lahir kira-kira pada tahun 1678 M, menaiki takhta negeri Terengganu pada tahun 1725 sebagai Sultan negeri Terengganu Yang Pertama dan mangkat kira-kira tahun 1733 M.

Sultan Mansor Yang Pertama Sultan Terengganu Yang Kedua

Kelahiran Baginda

Setakat yang diketahui, Sultan Zainal Abidin Yang Pertama mempunyai empat orang putera dengan isteri Baginda Che Puan Besar dari Petani iaitu Ku Tana Wangsa, Ku Tana Ali, Ku Tana Ismail dan Ku Tana Mansor.

Menjadi Sultan

Apabila Sultan Zainal Abidin Yang Pertama mangkat, ketiga-tiga putera, termasuk putera yang sulung telah bersetuju menolak takhta Seri Paduka ayahandanya dan bersetuju menyerahkan takhta kerajaan itu kepada adiknya Ku Tana Mansor yang pada ketika itu baru berumur kira-kira sebelas tahun. Semenjak itu Ku Tana Mansor dikenali dengan nama Tun Dalam atau Tun Kechik dan juga dikatakan bergelar Yang Dipertuan Raja Kechik. Oleh kerana beliau masih budak, maka pemerintahan negeri ini dijalankan oleh Tun Hussain Bendahara, dan setengah riwayat, oleh Ku Tana Wangsa.

Menjadi Ketua Orang-orang Melayu

Sewaktu baginda (Sultan Mansor) melawat Riau kali yang kedua (kira-kira pada tahun 1746 M), baginda mengkaji suasana kedudukan pemerintahan Riau, sambil mencari jalan untuk mempengaruhi. Maka kebetulan pahlawan Bugis yang bernama

Daeng Chelak telah meninggal dunia pada 19 Mei 1745, yang demikian baginda pun terlantik sebagai penganjur orang-orang Melayu di Riau, lalu berusaha seberapa upayanya untuk mengurangkan kekuasaan yang dipegang oleh orang-orang Bugis. Keadaan ini telah mendapat sokongan yang penuh daripada Bendahara Pahang dan Temenggung Johor, akan tetapi usaha-usahanya itu tidak mendapat kejayaan, kerana jawatan-jawatan penting di kalangan istana dan perniagaan-perniagaan masih banyak dipegang oleh orang-orang Bugis, tambahan pula mereka masih menerima bantuan daripada ayahanda mentua Baginda Sultan Sulaiman. Baginda adalah seorang Raja yang mempunyai cita-cita yang besar dan kemahuan kuat.

Kemangkatan Baginda

Baginda mangkat, kira-kira pada malam Jumaat, 14 Jamadilakhir 1207 H (1793 M). Apabila baginda mangkat, putera baginda Tengku Zainal Abidin menggantikan baginda bergelar Sultan Zainal Abidin Yang Kedua, baginda pula sempat memerintah lebih kurang 15 tahun dan mangkat pada tahun 1808 (M). Di dalam masa pemerintahan baginda terjadi peperangan di antara negeri Kelantan dan Terengganu yang berpunca di antara pengikut-pengikut Long Ahmad anak Long Yunus dengan baginda.

Setelah Sultan Zainal Abidin Yang Kedua mangkat, pemerintahan diganti oleh saudara baginda Sultan Ahmad. Baginda memerintah lebih kurang 23 tahun dan mangkat pada tahun 1831, dikenali dengan sebutan Marhum Parit.

Selepas itu saudara baginda Sultan Abdul Rahman menaiki takhta kerajaan Terengganu tetapi baginda sempat memerintah lebih kurang 7 bulan sahaja. Baginda mangkat di dalam tahun itu juga dan dikenali dengan sebutan Marhum Surau.

Anakanda saudara baginda Tengku Daud telah menaiki takhta kerajaan Terengganu selepas itu, tetapi baginda sempat memerintah lebih kurang sebulan sahaja dan mangkat di dalam tahun 1831 juga dikenali dengan sebutan Marhum Kampung Daik. Kemudian ayahanda saudara baginda Tengku Mansor telah menaiki takhta kerajaan Terengganu pula pada 17 Syaabani 1246 H bersamaan 1831 M, bergelar Sultan Mansor Yang Kedua dan sem-

pat memerintah lebih kurang 6 tahun. Baginda mangkat di dalam tahun 1836, dan pengganti baginda ialah putera baginda bergelar Sultan Muhammad dan sempat memerintah hingga tahun 1839. Di dalam pemerintahan baginda berlakulah pergolakan perang saudara di antara baginda dengan sepupu baginda, Tengku Omar (Marhum Baginda), iaitu lanjutan daripada pergaduhan dengan Paduka Marhum ayahanda baginda, Sultan Mansor Yang Kedua. Maka kekallah pemerintahan di tangan Sultan Omar terkenal di dalam sejarah Terengganu Marhum Baginda iaitu putera kepada Sultan Ahmad, Sultan Yang Keempat dan saudara Sultan Daud, Marhum Baginda telah menaiki takhta kerajaan di dalam bulan November 1839, dan dapat memerintah negeri lebih kurang 35 tahun iaitu pemerintahan yang ketiga lamanya di dalam sejarah negeri Terengganu. Baginda mangkat dalam bulan April 1876. Baginda terkenal seorang gagah perkasa.

Selepas kemangkatan baginda, maka negeri Terengganu diperintah oleh Sultan Ahmad Yang Kedua putera Yang Dipertuan Muda Tengku Mahmud. Baginda menaiki kerajaan di dalam tahun 1876 dan mangkat di dalam bulan Disember tahun 1881, dikenali dengan nama Marhum Baru. Selepas itu putera baginda Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga telah dilantik menjadi Sultan. Baginda diputerakan kira-kira pada 12 April 1866 dan menaiki takhta kerajaan pada 18 Disember 1881. Di dalam masa pemerintahan bagindalah negeri Terengganu telah bertambah-tambah maju dan makmur setapak demi setapak dan perubahan-perubahan kebijakan masyarakat serta kehidupan rakyat jelata makin meningkat dan boleh dikatakan mulai tarikh inilah Terengganu moden mulai dicipta. Baginda diakui oleh rakyat jelata sebagai seorang raja yang adil bersifat pengasih, penyayang dan bagindalah Sultan Terengganu yang pertama berangkat menunaikan fardu haji, dan di dalam masa pemerintahan baginda telah diadakan perjanjian dengan British (tahun 1910) dan penyelesaian sempadan negeri Terengganu dan Kelantan dan membatalkan cukai labuh batu dan di dalam masa bagindalah Istana Maziah didirikan dan diluaskan Masjid Abidin sebagaimana yang ada sekarang (sebelum tambahan baru dibuat dalam tahun 1969) dan mula berjalan pentadbiran negeri dengan diwujudkan ahli mesyuarat

negeri seramai 24 orang dan di dalam pemerintahan bagindalah mulai diadakan sukatan timbangan gantang, cupak, leng dan timbangan dacing dan wujudnya Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu (1911). Baginda telah mangkat pada 26 November tahun 1918 setelah pemerintahan di atas takhta negeri Terengganu selama 38 tahun iaitu suatu pemerintahan yang kedua lamanya di dalam sejarah negeri.

Baginda mempunyai beberapa orang putera dan puteri iaitu:

1. Tengku Jebah (telah mangkat);
2. Tengku Ngah Aishah Al-Hajah (telah mangkat);
3. Tengku Wok Fatimah (telah mangkat);
4. Tengku Teh (telah mangkat);
5. Tengku Nik Maimunah Al-Hajah;
6. Tengku Mohammad (bekas Sultan Mohammad—telah mangkat);
7. Tengku Besar Hapsah (telah mangkat);
8. Tengku Muda Sulaiman (Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah—telah mangkat);
9. Tengku Dalam (Tengku Nila Puri—telah mangkat);
10. Tengku Ismail Sultan Ismail Nasiruddin Shah;
11. Tengku Wok (Tengku Kesuma Puri);
12. Tengku Ahmad; dan
13. Tengku Besar Mahmud (Tengku Sri Utama Raja).

Selepas kemangkatan baginda, putera baginda Sultan Mohammad menaiki takhta pula. Tetapi di dalam masa setahun lapan bulan sahaja baginda telah turun takhta dalam tahun 1920 (M), dan diganti dengan adinda baginda Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, Sultan Terengganu Yang Ke-14. Baginda sempat memerintah lebih kurang 22 tahun dan mangkat pada 25 September 1942. Di dalam pemerintahan baginda telah berlaku Perang Dunia Yang Kedua dan negeri Terengganu jatuh di bawah takluk Jepun selama 3 tahun 4 bulan. Pada 16 Disember 1945, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ismail Nasiruddin Shah telah menaiki takhta kerajaan, menjadi Sultan dan Yang Dipertuan bagi negeri Terengganu dan jajahan takluknya dan ditabal dan dimahkotakan pada 6 Jun 1949 dan kekal memerintah hingga hari ini.

o
i
r

n

n

n

-

n

-

n

-

n

-

n

a

-

a

-